SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION



# Maju ke Hadapan dengan Menerajui Persaingan

LAPORAN TAHUNAN 2021




# Maju ke Hadapan dengan Menerajui Persaingan

MyCC telah mencapai usia 10 tahun penubuhannya. Tempoh sedekad ini telah mendorong MyCC untuk menerima pakai pendekatan yang baharu. Kejayaan masa lalu merupakan pembuka jalan kepada kejayaan kami untuk masa hadapan. Ketika kami memandang ke hadapan ke arah dekad yang mendatang, kami akan sentiasa memikirkan untuk memastikan peranan dan misi MyCC kekal relevan selaras dengan visi dan misi kami. MyCC akan terus maju dalam memainkan peranannya, tatkala semakin ramai orang memahami tugas kami. MyCC berhasrat untuk menjadi antara agensi penguatkuasaan yang terbaik dan paling aktif di negara ini. Dalam maju ke hadapan, MyCC akan terus maju dan berkembang seiring dengan tugas MyCC yang lebih besar untuk terus melindungi proses persaingan dalam pasaran.

**Aras 15, Menara SSM@Sentral**
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50623 Kuala Lumpur

**TEL** : +603 2273 2277
**EMEL** : enquiries@mycc.gov.my

**Social Media**

@themycc

Laporan tahunan ini boleh didapati di

www.**mycc**.gov.my




# KANDUNGAN


1 **PERUTUSAN MENTERI** 02

2 **PRAKATA PENGERUSI** 04

3 **PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF** 06

4 **MAKLUMAT KORPORAT**
- Pengenalan 09
- Visi dan Misi 09
- Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya 10
- Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Khas Persaingan 11
- Bidang Kuasa di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] 13
  - Larangan di bawah Akta 712 14
- Struktur Organisasi 17
- Anggota-anggota Suruhanjaya 18

5 **PERISTIWA PENTING** 31

6 **ULASAN TAHUN 2021**
- Aktiviti Penguatkuasaan 35
- Nasihat Dasar 38
- Kajian Semula Pasaran 39
- Program Antarabangsa 43
  - Pembinaan Kapasiti 46
  - Mesyuarat 50
- Program Advokasi 52
- Komunikasi dan Perhubungan Awam 59
  - MyCC dalam Berita 64

7 **PENYATA KEWANGAN** 68

# PERUTUSAN **MENTERI**




"Tahun 2021 menandakan ulang tahun ke-10 penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), sekali gus membuktikan komitmen MyCC untuk melindungi proses persaingan demi kepentingan pengguna, perniagaan dan ekonomi."

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

Tahun 2021 menandakan ulang tahun ke-10 penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), sekali gus membuktikan komitmen MyCC untuk melindungi proses persaingan demi kepentingan pengguna, perniagaan dan ekonomi.

MyCC telah ditubuhkan pada tanggal 1 April 2011 dan ditugaskan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 bagi melindungi dan menggalakkan proses persaingan di Malaysia. Walaupun merupakan agensi termuda di bawah Kementerian, jelas dapat dilihat bahawa MyCC telah mengalami perkembangan dan evolusi yang sangat pesat dari semasa ke semasa.

Objektif utama Akta Persaingan 2010 adalah untuk menggalakkan dan melindungi proses persaingan dalam kalangan perusahaan dalam pasaran. Persaingan boleh memudahkan kecekapan dan inovasi untuk menghasilkan rangkaian produk dan perkhidmatan yang luas dengan kualiti yang tinggi pada kos yang rendah. Undang-undang persaingan merupakan salah satu langkah kerajaan bagi memastikan ekonomi negara terus berdaya saing dan bebas daripada amalan anti persaingan yang boleh menjejaskan pembangunan ekonomi negara.

MyCC telah berjaya mengendalikan banyak kes berprofil tinggi, sekali gus menghantar mesej kuat bahawa amalan anti-persaingan tidak akan diterima dan tindakan tegas termasuk pengenaan penalti kewangan akan diambil terhadap mereka yang terlibat dalam tingkah laku anti-persaingan. Walaupun banyak cabaran yang dihadapi sepanjang penubuhannya, MyCC telah berjaya mencatatkan prestasi yang hebat. Saya optimis bahawa MyCC akan terus mencatatkan kejayaan yang memberangsangkan melalui asas yang telah dibina sejak 10 tahun lalu, di samping sokongan penuh dan berterusan daripada Kementerian.

Di sebalik ketidaktentuan yang semakin meningkat berkaitan perkembangan ekonomi dan sosial akibat proses globalisasi, Malaysia kekal sebagai negara yang berdaya saing dan mampan dari segi ekonomi. MyCC telah membuktikan bahawa ia mempunyai apa yang diperlukan untuk menjadi pihak berkuasa yang dipercayai dalam melindungi proses persaingan dan mengendalikan kes berprofil tinggi. Kementerian bersama MyCC komited dalam memastikan proses persaingan di Malaysia sentiasa terpelihara daripada unsur-unsur yang tidak diingini.

Dalam laporan baru-baru ini, Bank Dunia menyatakan bahawa untuk Malaysia beralih kepada negara berpendapatan tinggi, dasar persaingan negara perlu diperkukuh untuk menggalakkan pasaran yang kompetitif. Saya yakin MyCC bersedia melaksanakan tugas itu, kerana mereka telah terlibat secara aktif dengan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, pihak berkepentingan, ahli akademik, pemain industri serta agensi persaingan antarabangsa untuk menguatkuasakan undang-undang persaingan dengan berkesan.

MyCC mempunyai pelbagai pencapaian pada tahun 2021, namun begitu, terdapat banyak potensi yang masih belum dapat dicungkil. Saya berharap MyCC akan lebih aktif dan relevan kepada orang ramai sebagai pihak berkuasa yang dipercayai untuk memelihara proses persaingan dalam pasaran. Saya berharap MyCC akan terus berkembang supaya mereka dapat meneruskan peranan dan pencapaian yang baik pada masa hadapan. Saya yakin MyCC boleh mengukuhkan dirinya sebagai salah satu pemacu utama ekonomi dan diiktiraf setaraf dengan agensi-agensi lain yang telah ditubuhkan.

Kementerian menyokong penuh segala usaha MyCC dalam mempromosikan persaingan dalam pasaran. Saya percaya bahawa dalam tempoh 10 tahun yang lalu, segala usaha MyCC telah berjaya memainkan peranan penting dalam mengekalkan kepercayaan orang ramai terhadap Kementerian. Sepuluh tahun dari sekarang, kami berharap untuk melihat MyCC menjadi lebih kukuh serta lebih lengkap dalam menangani cabaran ekonomi yang sentiasa berkembang.

# PRAKATA **PENGERUSI**

**"Melangkah ke hadapan, MyCC berharap ia akan dikenali sebagai pihak berkuasa yang dipercayai dalam melindungi proses persaingan supaya pengguna dan perniagaan mendapat manfaat daripada kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang telah diperkukuhkan."**

**YBHG. DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN MD YUNUS**

Pengerusi



MyCC telah ditubuhkan pada tanggal 1 April 2011 bagi tujuan menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Sejak itu, MyCC telah diamanahkan oleh Kerajaan Malaysia, untuk melindungi proses persaingan yang bebas dan adil dalam pasaran komersial untuk manfaat kebajikan pengguna, kecekapan perusahaan dan pembangunan ekonomi secara keseluruhan.

MyCC, sejak penubuhannya sentiasa mempromosikan dan menegakkan undang-undang persaingan di negara ini. Kini, orang ramai telah mengambil perhatian tentang kepentingan dan fungsi MyCC, terutamanya tentang cara bagaimana persaingan boleh memberi manfaat kepada pengguna dalam pasaran dan ekonomi Malaysia.

Dalam dekad yang lalu, MyCC telah menunjukkan dedikasi dan komitmen yang tinggi dalam menjalankan peranannya sebagai badan pengawasan persaingan Malaysia. Sehingga tahun 2021, MyCC telah mengeluarkan lebih daripada 20 keputusan penguatkuasaan dan 68 nasihat dasar. MyCC juga telah menjalankan lebih daripada 320 program advokasi dan menerbitkan 7 garis panduan mengenai undang-undang persaingan. Tahun ini, MyCC telah melancarkan tinjauan pasaran kali ketujuh iaitu Tinjauan Pasaran di bawah Akta Persaingan 2010 untuk Sektor Pengangkutan Terpilih di Malaysia. Tinjauan pasaran ini bertujuan, antara lain, untuk mengenal pasti isu, cabaran dan amalan anti-persaingan dalam ekosistem logistik pelabuhan dan jaminan kenderaan bermotor. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan kerana memberikan maklum balas dan cadangan yang sangat berharga semasa tempoh perundingan awam.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi kerajaan, komuniti perniagaan, pengamal undang-undang, rakan kongsi MoU, ahli akademik, pelajar, pengguna dan rakan sekerja kami di seluruh dunia yang telah membantu dan menyokong MyCC sehingga kini. Pelbagai kerjasama antara MyCC dengan semua pihak berkepentingan ini telah menjadi platform yang ideal untuk bertukar idea, amalan terbaik dan pengalaman. Kami berharap kerjasama dan hubungan yang berterusan akan membawa kerjasama kami ke tahap yang lebih tinggi.

Untuk memperingati ulang tahun yang ke-10 ini, adalah wajar untuk memperkenalkan logo kami, yang telah dimurnikan dan direka bentuk semula, yang mewakili kekukuhan dan nilai kerja kami. Pengenalan logo yang ditambah baik ini bertujuan untuk mencerminkan misi kami untuk memastikan budaya persaingan yang kondusif demi menjadikan pasaran berfungsi dengan baik untuk pengguna, perniagaan dan ekonomi. Melangkah ke hadapan, MyCC berharap ia akan dikenali sebagai pihak berkuasa yang dipercayai dalam melindungi proses persaingan supaya pengguna dan perniagaan mendapat manfaat daripada kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang telah diperkukuhkan. Kami sedar betapa perlunya untuk memastikan peranan dan fungsi MyCC kekal relevan dengan visi dan misinya. Saya percaya bahawa MyCC akan menjadi antara agensi penguatkuasaan yang terbaik dan paling aktif di negara ini.

Bagi pihak pasukan pengurusan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atas sokongan berterusan beliau terhadap MyCC . Ucapan terima kasih khas juga kepada Ahli Suruhanjaya atas dedikasi berterusan mereka. Akhir sekali, tetapi tidak kurang pentingnya, setinggi-tinggi penghargaan saya kepada rakan sepasukan pengurusan dan kakitangan atas dedikasi dan komitmen mereka dalam menjalankan tugas mereka. Dengan pelbagai cabaran dalam dekad yang akan datang, MyCC akan kekal komited untuk memartabatkan kesejahteraan pihak berkepentingan, dan sekaligus akan sentiasa mengikuti dinamik dan persekitaran pasaran yang cepat berubah dan akan kekal teguh dalam usaha ke arah menggalakkan persaingan yang selamat dan adil di Malaysia. Dengan sokongan dan bimbingan Kementerian, MyCC pasti akan berkembang dan terus berusaha lebih keras berbanding dengan sebelum ini, ke arah mencapai matlamat kami demi melindungi proses persaingan dan kepentingan pengguna.

# PRAKATA
# KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

“Pada tahun 2021, MyCC turut melancarkan Pelan Strategik MyCC 2021-2025. Pelan strategik lima tahun itu sepadan dengan MyCC yang memasuki dekad seterusnya, yang merupakan pencapaian penting bagi Suruhanjaya ini.”

**ENCIK ISKANDAR ISMAIL**
Ketua Pegawai Eksekutif



Menyambut ulang tahun ke-10 bermakna menyambut peluang dan pencapaian untuk dekad baharu. Di MyCC, kami berbangga dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Kebanggaan ini sewajarnya diraikan kerana tahun 2021 menandakan satu dekad penuh penguatkuasaan undang-undang persaingan di Malaysia.

MyCC menyambut ulang tahunnya yang ke-10 pada 1 April 2021. Banyak pencapaian telah dicapai. Walaupun merupakan sebuah agensi yang agak muda di rantau ini, MyCC telah berjaya mewujudkan pencapaian yang jelas dalam beberapa kes penting. Antara lain, kes-kes tersebut termasuk keputusan muktamad yang dikeluarkan terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia dan 22 ahlinya, My E.G. Services Berhad dan Malaysian Airline System Berhad , AirAsia Berhad dan AirAsia X Sdn.Bhd .

Kerja-kerja advokasi merupakan salah satu inisiatif kami yang telah membawa kebanggaan dan kegembiraan kepada MyCC. Usaha advokasi kami terhadap perniagaan, kumpulan pengguna, badan kerajaan, serta pelajar bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan mewujudkan pemahaman yang lebih baik tentang manfaat persaingan yang sihat, peruntukan dasar dan undang-undang persaingan, dan mandat MyCC . Sekatan dalam pergerakan orang ramai telah memaksa mesyuarat dijalankan secara dalam talian melalui pelbagai platform maya. Walaupun dalam keadaan sedemikian, MyCC telah berjaya menganjurkan program advokasi secara maya dan fizikal melalui seminar dan ceramah.

Selain itu, MyCC menerbitkan Tinjauan Pasaran ketujuh mengenai Sektor Pengangkutan Terpilih di Malaysia pada tahun 2021. Tinjauan Pasaran itu menyediakan perspektif baharu kepada pasaran, membantu mengenal pasti isu persaingan, kebimbangan yang dipacu pasaran dan peraturan. Ini juga telah membawa kepada pembaharuan oleh pihak berkepentingan utama, kementerian dan agensi berkaitan untuk membetulkan tingkah laku pasaran.

Pada tahun 2021, MyCC turut melancarkan Pelan Strategik MyCC 2021-2025. Pelan strategik lima tahun itu sepadan dengan MyCC yang memasuki dekad seterusnya, yang merupakan pencapaian penting bagi Suruhanjaya ini. Pelan tersebut telah menggariskan rancangan strategik dan tindakan untuk mencapai objektif MyCC bagi tempoh lima tahun akan datang. Ia juga memperincikan pengembangan MyCC yang akan selaras dengan mandatnya yang lebih besar dalam menyokong pelaksanaan rancangan ekonomi peringkat nasional serta skop fungsi dan bidang kuasa MyCC yang lebih luas.

MyCC juga memberi penekanan kepada kepentingan pembinaan kapasiti di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk membangunkan amalan terbaik serta meningkatkan kecekapan tenaga kerja, sambil mewujudkan pakar-pakar dalam undang-undang persaingan demi mengukuhkan dan mempertingkatkan rejim penguatkuasaan di Malaysia. Kami juga berbesar hati untuk dapat bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, untuk memberi nasihat berkaitan impak persaingan dalam dasar-dasar kerajaan.

Tatkala kami melihat ke hadapan untuk dekad yang akan datang, kami sedar tentang betapa pentingnya untuk memastikan bahawa peranan dan misi MyCC kekal relevan bersama-sama dengan visi dan misinya. Dengan mengkaji daya penggerak utama yang mempengaruhi MyCC , kami menyedari bahawa struktur pasaran dan tingkah laku perniagaan menjadi semakin kompleks dengan perubahan teknologi.

Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan di Malaysia, MyCC memerlukan ketelusan dan integriti dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan keyakinan orang ramai terhadap kredibiliti MyCC. Menjadi suatu harapan terbesar saya agar Suruhanjaya ini terus maju dalam tugasnya dan lebih ramai orang sedar tentang tugas yang kami lakukan. Saya juga mempunyai visi untuk menyaksikan MyCC menjadi antara agensi penguatkuasaan yang terbaik dan paling aktif di negara ini. Melangkah ke hadapan, marilah kita bersama-sama terus maju dan berkembang seiring dengan skop tugas MyCC yang lebih luas dalam memelihara proses persaingan dalam pasaran di Malaysia.



# MAKLUMAT **KORPORAT**


- Pengenalan 09
- Visi dan Misi 09
- Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya 10
- Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Khas Persaingan 11
- Bidang Kuasa di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] 13
    - Larangan di bawah Akta 712 14
- Struktur Organisasi 17
- Anggota-anggota Suruhanjaya 18

# PENGENALAN

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia, yang dikenali sebagai MyCC** merupakan badan penguatkuasa yang diberi mandat untuk menguatkuasa dan melindungi proses persaingan di Malaysia. MyCC telah ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan [Akta 713] dengan mandat untuk melaksanakan dan menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Akta Persaingan 2010 telah digubal untuk menggalakkan pembangunan ekonomi yang mampan dengan **menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang berdaya saing**. MyCC berperanan untuk memperkasakan pasaran demi kepentingan pengguna, perniagaan dan kemajuan ekonomi negara ini secara keseluruhan. Akhir sekali, matlamatnya ialah untuk memastikan harga yang lebih kompetitif, produk yang lebih berkualiti dan pilihan yang lebih luas kepada pengguna bagi melindungi hak dan kepentingan mereka.

# VISI

Bermatlamat mencapai ekonomi yang teguh, cekap, dan mampan untuk Malaysia dan rakyat Malaysia melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar dan undang-undang persaingan.

# MISI

Komited mencapai kecemerlangan dengan memperjuangkan persaingan, demi memastikan dan melindungi pasaran agar berfungsi dengan baik dan inovatif untuk peniaga dan pengguna.



# FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

## FUNGSI (Seksyen 16)

- Menasihati Menteri, pihak Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa awam bagi semua perkara yang berkaitan dengan persaingan.
- Menguatkuasakan perundangan persaingan melalui penyiasatan, kajian pasaran dan mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan.
- Mendidik orang awam, perusahaan dan pihak berkepentingan tentang manfaat persaingan kepada ekonomi secara keseluruhannya.

## KUASA (Seksyen 17)

- Mengenakan penalti bagi pelanggaran peruntukan undang-undang persaingan.
- Mengenakan fi atau caj terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MyCC.
- Mengendalikan program bagi melaksanakan fungsi MyCC.
- Bekerjasama dengan mana-mana organisasi lain atau agensi Kerajaan untuk melaksanakan fungsi-fungsi MyCC.
- Mendidik orang awam, perusahaan dan pihak berkepentingan tentang manfaat persaingan kepada ekonomi secara keseluruhannya.

# JAWATANKUASA KERJA

## Jawatankuasa Audit dan Risiko

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit dan Risiko ialah untuk memeriksa semua rekod, dokumen dan laporan yang berkaitan dengan isu kewangan dan bukan kewangan untuk menasihati Anggota-anggota Suruhanjaya tentang prestasi aktiviti yang tertakluk kepada pemeriksaan audit; untuk memastikan prosedur yang sesuai diwujudkan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko dari perspektif strategik dan operasi; dan memastikan pematuhan terhadap prosedur dan proses yang telah diluluskan dan dilaksanakan oleh Suruhanjaya.

## Jawatankuasa Penyiasatan dan Penguatkuasaan

Jawatankuasa Penyiasatan dan Penguatkuasaan bertanggungjawab memastikan semua penyiasatan yang dilakukan oleh Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan dijalankan mengikut Tatacara Operasi Standard (SOP) dan amalan terbaik untuk memastikan larangan-larangan yang terkandung dalam Akta Persaingan 2010 dikuatkuasakan dengan efektif dan efisien oleh Suruhanjaya.

## Jawatankuasa Advokasi dan Komunikasi

Jawatankuasa Advokasi dan Komunikasi ditubuhkan untuk memastikan semua pihak berkepentingan yang perlu mengetahui tentang undang-undang persaingan diliputi dalam pelan advokasi dan komunikasi, memastikan mesej yang disampaikan konsisten dan memastikan publisiti berterusan untuk Suruhanjaya.

## Jawatankuasa Ekonomi

Jawatankuasa Ekonomi ditubuhkan untuk memeriksa dan memberi arahan mengenai hal-hal berkaitan dengan analisis ekonomi, kajian pasaran dan nasihat tentang dasar berkaitan persaingan. Jawatankuasa Ekonomi memberikan nasihat dasar dan menilai justifikasi yang sesuai dari perspektif ekonomi; memberikan panduan, nasihat dan ulasan mengenai penilaian ekonomi, analisis dan isu untuk kes-kes penyiasatan dan pengecualian; serta menyediakan cadangan dan pelan tindakan yang dicadangkan untuk kajian pasaran

## Jawatankuasa Kewangan dan Pentadbiran

Jawatankuasa Kewangan dan Pentadbiran ditubuhkan untuk merumuskan prinsip dan garis panduan yang mentadbir hal ehwal kewangan, pentadbiran dan sumber manusia, termasuk kawalan pengurusan kewangan, prosedur perakaunan, proses perolehan, pentadbiran am dan pengurusan sumber manusia untuk Suruhanjaya.

## Jawatankuasa Undang-undang dan Penggubalan

Jawatankuasa Undang-undang dan Penggubalan ditubuhkan untuk menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan nasihat undang-undang dan menggubal peruntukan Akta Persaingan 2010 [Akta 712] dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [Akta 713], dan juga perundangan subsidiari termasuk garis panduan.

## Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan

Jawatankuasa Pemilihan dan Pelantikan ditubuhkan untuk merumuskan prinsip dan garis panduan bagi mentadbir hal-hal berkaitan sumber manusia dengan tumpuan diberikan kepada pemilihan dan pelantikan secara tetap, kontrak, pembantu penyelidik dan pegawai untuk Suruhanjaya.

# JAWATANKUASA KHAS PERSAINGAN

MyCC mempunyai sokongan rangkaian yang kukuh bagi tugas dan aktiviti persaingannya. Rangkaian ini telah dipupuk melalui peranannya sebagai pengerusi bagi Jawatankuasa Khas Persaingan. Jawatankuasa Khas Persaingan merupakan sebuah jawatankuasa yang telah ditubuhkan sejak tahun 2012. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai pengawal selia sektor. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat setiap tahun untuk membincangkan pelbagai isu berkaitan persaingan dalam pasaran yang melibatkan pelbagai sektor termasuk telekomunikasi, pengangkutan darat dan awam, kewangan, bekalan tenaga elektrik dan air, penerbangan dan harta intelek.

## Fungsi

- Mengkaji dan membincangkan isu persaingan dengan pengawal selia sektor
- Memastikan, sekiranya mungkin, pengharmonian prinsip persaingan, tafsiran dan pemakaian undang-undang persaingan
- Menjalankan penyelidikan bersama dan memberi cadangan mengenai pembangunan dasar dan undang-undang persaingan termasuk membuat penilaian bersama-sama rakan pengawal selia terhadap dasar persaingan dan rangka kerja undang-undang yang berkaitan dengan sektor yang berkenaan
- Menjalankan aktiviti pendidikan dan kempen media bersama mengenai isu berkaitan persaingan, jika perlu, kepada orang ramai
- Memberi sokongan yang diperlukan kepada MyCC dan sebaliknya kepada pengawal selia sektor masing-masing dalam forum kebangsaan dan antarabangsa mengenai persaingan
- Menyediakan sokongan teknikal yang diperlukan kepada MyCC dan sebaliknya kepada pengawal selia sektor yang berkenaan
- Menjalankan program advokasi bersama dalam mempromosikan dasar persaingan dan undang-undang di Malaysia
- Apa-apa fungsi lain yang diperlukan untuk mempromosikan dasar dan undang-undang persaingan di Malaysia.

# BIDANG KUASA DI BAWAH
# AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712)

Akta 712 meliputi semua aktiviti komersial yang dijalankan di dalam dan di luar Malaysia yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam mana-mana pasaran di Malaysia.

**Aktiviti yang dikecualikan daripada skop Akta 712 adalah:**

- Aktiviti yang melibatkan penjalanan kuasa Kerajaan
- Perjanjian atau perlakuan yang mematuhi mana-mana undang-undang
- Aktiviti yang dijalankan berasaskan prinsip perpaduan
- Pembelian barangan atau perkhidmatan yang bukan bertujuan untuk penjualan atau pembekalan semula
- Perkhidmatan yang melibatkan kepentingan ekonomi secara umum, yang merangkumi kemudahan awam, atau mempunyai ciri-ciri monopoli yang menghasilkan keuntungan
- Aktiviti rundingan bersama atau perjanjian kolektif antara majikan dengan kesatuan sekerja bagi pihak pekerja

**Akta 712 tidak terpakai kepada aktiviti komersial yang dikawal selia di bawah:**

- Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
- Akta Suruhanjaya Tenaga 2001
- Akta Pembangunan Petroleum 1974
- Peraturan-Peraturan Petroleum 1974
- Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015

# LARANGAN
# DI BAWAH AKTA 712

**Perjanjian Antipersaingan**

(Seksyen 4)

Akta ini melarang apa-apa perjanjian, sama ada dalam bentuk bertulis atau sebaliknya antara perusahaan yang mempunyai matlamat untuk menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.

Perjanjian antipersaingan, yang boleh berlaku secara terbuka atau rahsia (contohnya kartel), wujud apabila perusahaan secara kolektif bersetuju untuk tidak bersaing atau bekerjasama antara satu sama lain untuk mengurangkan persaingan dan mengganggu kuasa pasaran.

Perjanjian mendatar berikut adalah dalam setiap keadaan dianggap mempunyai objek mengurangkan persaingan dengan ketara dan oleh itu dilarang:

- Penetapan Harga
- Tipuan Bida
- Perkongsian Pasaran
- Membatas atau Mengawal Pengeluaran
- Penetapan Harga Jualan Semula
- Perjanjian Eksklusif

**Penyalahgunaan Kedudukan Dominan**

(Seksyen 10)

Perusahaan yang mempunyai kuasa pasaran melebihi 60% dianggap mempunyai kedudukan dominan dalam pasaran tersebut.

Perusahaan yang berkedudukan dominan dalam suatu pasaran tidak dianggap melanggar undang-undang persaingan melainkan jika perusahaan tersebut menyalahgunakan kedudukan dominannya sehingga menyekat persaingan daripada perusahaan lain dalam pasaran yang sama yang dapat menjejaskan kepentingan pengguna.

Contoh Penyalahgunaan Kedudukan Dominan:

- Mengenakan Harga atau Syarat yang Tidak Adil
- Berkelakuan seperti Pemangsa
- Keengganan untuk Membekal
- Penjualan Terikat dan Terberkas
- Pembelian Barangan atau Sumber yang Terhad
- Mengenakan Syarat yang Berbeza

## Penalti Kewangan

Jika MyCC mendapati bahawa terdapat suatu pelanggaran terhadap larangan pada Akta 712, sesuatu perusahaan itu boleh dikenakan **penalti kewangan sehingga maksimum 10%** daripada perolehannya di seluruh dunia serta diarahkan untuk mematuhi mana-mana arahan lain yang dianggap wajar oleh MyCC untuk menghentikan pelanggaran tersebut.

## Rejim Kelonggaran

(Seksyen 41)

Rejim kelonggaran yang terkandung di bawah Seksyen 41 hanya diberikan untuk perusahaan yang mengakui penglibatan dalam perjanjian mendatar seperti yang digariskan di bawah seksyen 4 (2) Akta 712.

Seksyen 41 mewajibkan pemohon untuk bukan sahaja mengakui kesalahannya, tetapi juga mesti memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya. Setelah kedua-dua syarat ini dipenuhi dan Suruhanjaya berpuas hati, perusahaan tersebut boleh diberikan sehingga 100 peratus pengurangan penalti kewangan. Lazimnya perusahaan pertama yang memohon akan diberikan pengurangan denda yang paling maksimum.

## PROSEDUR PENGUATKUASAAN

MyCC sebagai Badan Separa Kehakiman

**MyCC menjalankan siasatan**

**MyCC mengeluarkan keputusan**

**MyCC menguatkuasakan keputusan**

# GAMBARAN KESELURUHAN PROSEDUR PENGUATKUASAAN

**Ex-Officio**
Seksyen 14 (1)

**Aduan**
Seksyen 15

**Arahan Menteri**
Seksyen 14 (2)

**Rejim Kelonggaran**
Seksyen 41

**Penilaian dan/atau Siasatan**

## PENYIASATAN

**Langkah Interim**
Seksyen 35

**Aku Janji**
Seksyen 43

## KEPUTUSAN CADANGAN
Seksyen 36

## REPRESENTASI
Seksyen 38

**Bertulis dan/atau Lisan**

**Pendengaran**

## KEPUTUSAN AKHIR

**Tiada Pelanggaran**
Seksyen 39

**Pelanggaran**
Seksyen 40

- Tribunal Rayuan Persaingan
- Semakan Semula Penghakiman (Mahkamah Tinggi)
- Mahkamah Rayuan
- Mahkamah Persekutuan

# STRUKTUR ORGANISASI



# ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA



Dr. Nor Mazny Binti Abdul Majid

Dato' Jagjit Singh A/L Bant Singh

Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus
Pengerusi

Datuk Tay Lee Ly

Dr. Nasarudin Bin Abdul Rahman

# ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA



Tn. Anil Abraham

Pn. Siti Juriani Binti Jalaluddin

Dato Dr. Madeline Berma

Dato' Ir. Hj. Mohd Jamal Bin Sulaiman

Tn. Arunan Tan Sri K. Kumaran

# ANGGOTA-ANGGOTA **SURUHANJAYA**

Anggota-anggota Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, lima anggota mewakili Kerajaan dan empat anggota mewakili sektor swasta. Perdana Menteri atas syor Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melantik Pengerusi dan anggota-anggota Suruhanjaya. Setiap anggota berkhidmat untuk tempoh tiga tahun tertakluk kepada maksimum dua penggal berturut-turut. Anggota-anggota Suruhanjaya mewakili pelbagai bidang yang mencakupi perundangan, ekonomi, kewangan, perdagangan dan kepentingan pengguna. Kerja dan aktiviti pentadbiran serta pengurusan MyCC pula diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan disokong oleh pasukan pengurusan kanan.



**DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN MD YUNUS**
PENGERUSI

Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus ialah graduan undang-undang dari University of London yang pernah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia, Ketua Pendaftar Mahkamah Agung, Peguam Kanan Persekutuan dan Presiden Mahkamah Sesyen. Dengan 45 tahun pengalaman dalam bidang perundangan, beliau juga telah memperoleh pensijilan Timbangtara Komersial Antarabangsa (International Commercial Arbitration) daripada Chartered Institute of Arbitrators, United Kingdom. Sepanjang perkhidmatannya di Mahkamah Tinggi, beliau telah memutuskan lebih daripada 750 penghakiman yang telah dilaporkan di dalam jurnal undang-undang.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang kepada Kementerian Perusahaan Utama dan sebagai jurucakap mewakili negara-negara pengeluar getah di Rundingan Perjanjian Getah Asli di Switzerland. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Perwakilan Institut Hak Asasi Manusia Persatuan Peguam Antarabangsa (International Bar Association's Human Right Institute) ke Afrika Selatan sebelum menjadi Penimbang tara di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.

# ANGGOTA-ANGGOTA **SURUHANJAYA**



**DATO' JAGJIT SINGH A/L BANT SINGH**

Dato' Jagjit ialah rakan kongsi pengasas firma guaman, Jagjit Ariff & Co. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Undang-Undang dengan Merit (Undang-Undang Komersial dan Korporat Harta Intelek) dari King's College, University of London. Kepakaran beliau adalah dalam bidang undang-undang dan aspek praktikal serta prosedur mengenai harta intelek. Dato' Jagjit merupakan mantan Hakim dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia selama 28 tahun dalam pelbagai jawatan, termasuk Peguam Kanan Persekutuan, Timbalan Perbendaharaan Peguamcara, Penasihat Undang-Undang Kementerian Kesihatan, Timbalan Pendakwa Raya dan Penolong Kanan Penggubal Parlimen.

Beliau juga merupakan ahli Pasukan Petugas Khas Hak Cipta, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dari tahun 1999 hingga 2001, Panel Pakar bagi Jawatankuasa Pusat Keselamatan dan Tindak Balas Kecemasan ICT Negara dari tahun 2001 hingga 2003 dan Penasihat Undang-Undang kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat bagi Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004. Beliau ialah pengarang bagi buku bertajuk '*The Practical Approach to the Enforcement of Intellectual Property Rights*' dan pengarang bersama bagi '*Civil Trials Guidebook*'.

# ANGGOTA-ANGGOTA **SURUHANJAYA**



**DATUK TAY LEE LY**

Datuk Tay Lee Ly telah dilantik sebagai Ahli Suruhanjaya pada 1 Julai 2018. Beliau kini merupakan Ketua Bahagian Penyelidikan di Jabatan Peguam Negara Malaysia (AGC). Beliau telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan selama 34 tahun.

Sebelum dilantik sebagai Ketua Bahagian Penyelidikan di AGC, Datuk Tay telah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang di beberapa kementerian, seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi serta Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Selain itu, Datuk Tay juga telah memegang pelbagai jawatan, seperti Pengerusi Mahkamah Perusahaan Malaysia di Kuala Lumpur, Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen, Peguam Kanan Persekutuan dan Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara serta sebagai Majistret di Mahkamah Majistret Petaling Jaya.

# ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA



**DR. NASARUDIN BIN ABDUL RAHMAN**



**DATO' IR. HJ. MOHD JAMAL BIN SULAIMAN**

Dr. Nasarudin Abdul Rahman dilantik sebagai anggota Suruhanjaya pada 1 Oktober 2017. Beliau ialah Penolong Profesor di Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) pada tahun 2002 dan Sarjana Undang-Undang Perbandingan pada tahun 2008 daripada UIAM. Beliau menerima PhD daripada Macquarie University of Sydney, Australia dalam bidang dasar dan undang-undang persaingan di Malaysia.

Beliau telah menulis sebuah buku bertajuk "Competition Law in Malaysia" (diterbitkan oleh Thomson Reuters) serta artikel-artikel lain yang diterbitkan mengenai undang-undang dan dasar persaingan Malaysia. Sebelum berkhidmat di UIAM, Dr. Nasarudin telah didaftaraikan sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya. Pada masa ini, Dr. Nasarudin mengajar undang-undang syarikat untuk ijazah sarjana muda, dan bidang yang diminatinya juga termasuk dasar dan undang-undang persaingan, hubungan perindustrian dan perbankan Islam.

Dato' Ir. Hj. Mohd Jamal Sulaiman memiliki kelayakan dalam bidang kejuruteraan awam daripada University of Salford, United Kingdom. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Jurutera Awam pada bulan Julai 1981 dan ditempatkan di Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) di Negeri Pahang. Sepanjang 36 tahun perkhidmatan, beliau telah berkhidmat dan memegang pelbagai jawatan termasuk di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Bekalan Air Daerah Hulu Selangor, JKR Negeri Selangor.

Beliau juga pernah memegang jawatan Pengarah Dasar dan Pengurusan Korporat dari tahun 2014 hingga Januari 2017, dan sebelum bersara pada tahun itu, beliau dilantik sebagai Pengarah Kanan Kerja Raya (Sektor Bangunan) di JKR. Dato' Ir. Hj. Mohd Jamal dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak dua kali serta Anugerah Pencapaian Khas JKR 2010 sepanjang tempoh kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam.

# ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA



**DR. NOR MAZNY BINTI ABDUL MAJID**

Dr. Nor Mazny telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik sejak tahun 1995 selama hampir 25 tahun, ditugaskan dan bertanggungjawab dalam pelbagai jawatan. Pada tahun 1994, Dr. Nor Mazny menerima Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan seterusnya memperoleh Sarjana Undang-Undang Teknologi Maklumat daripada University of Strathclyde, United Kingdom, pada tahun 2002. Selepas itu, beliau memperoleh PhD daripada Victoria University, Australia, pada tahun 2012.

Dr. Nor Mazny memulakan kerjayanya sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Pembangunan Usahawan, sebelum berpindah ke Kementerian Kewangan. Beliau kemudiannya ditugaskan ke Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kanan dari tahun 2010 hingga 2011. Beliau merupakan Timbalan Ketua Pengarah Dasar dan Pembangunan, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri sejak tahun 2015, selepas menjadi Pengarah di bahagian yang sama dari tahun 2011.

# ANGGOTA-ANGGOTA **SURUHANJAYA**



**PN. SITI JURIANI BINTI JALALUDDIN**



**TN. ARUNAN TAN SRI K. KUMARAN**

Pn. Siti Juriani ialah Ketua Bahagian Kewangan Awam I Bahagian Pengurusan Aset Awam, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan jurusan Kewangan dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Beliau menyertai MOF sejak 2001 dan dilantik di beberapa bahagian termasuk Bahagian Dasar dan Pengurusan Saraan, Bahagian Cukai serta di Pejabat Belanjawan Negara.

Tn. Arunan Tan Sri K. Kumaran ialah Anggota Suruhanjaya dan Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan Strategik, Dasar dan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Malaysia. Beliau merupakan Pengerusi/Penganjur Dasar dan Undang-Undang Persaingan APEC selama dua tahun sejak tahun 2020. Beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selama 19 tahun, mengendalikan hal-hal perdagangan antarabangsa yang berkaitan dengan undang-undang persaingan, harta intelek, perlindungan pengguna dan perdagangan elektronik. Beliau juga memainkan peranan penting dalam penggubalan Dasar Persaingan Malaysia, Akta Persaingan 2010, Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 dan seterusnya penubuhan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Tn. Arunan ialah Perunding Utama Malaysia bagi Dasar Persaingan Perjanjian Perdagangan Bebas termasuk Perkongsian Trans-Pasifik (TPP), Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Eropah. Beliau memainkan peranan penting dalam pembangunan dasar dan undang-undang persaingan di rantau Asia Pasifik.

# ANGGOTA-ANGGOTA **SURUHANJAYA**







Dato Dr. Madeline memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1982; dan kemudiannya menamatkan Sarjana Sastera di Universiti of Wisconsin-Madison, Amerika Syarikat, pada tahun 1986. Kemudian, beliau menerima PhD dari University of Hull, England, pada tahun 1997. Dato Dr. Madeline diberi penghargaan yang tinggi atas pengalaman akademiknya selama 35 tahun, dan dalam tempoh tersebut memegang pelbagai jawatan sepanjang tempoh perkhidmatannya dengan UKM.

Kini, Dato Dr. Madeline ialah Ahli Pesuruhjaya di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan merupakan seorang perunding di bawah NuMind Plus Training and Consultancy. Sejarah penerbitan dan penyelidikan beliau ditumpukan dalam bidang ekonomi pembangunan, yang merangkumi bidang kemiskinan, ketidaksamaan, pembangunan luar bandar, pembangunan wanita dan komuniti yang terpinggir. Beliau telah dianugerahkan dengan tiga (3) pengiktirafan peringkat tinggi, iaitu Pingat Ahli Bintang Kenyalang (ABK), anugerah khas Pendidikan Wanita Sarawak, dan Tokoh Wanita Sempena Hari Pekerja (CUEPACS).

Tn. Anil Abraham merupakan Penasihat Am di UEM Edgenta Berhad selepas menjadi Ketua Jabatan Undang-undang Kumpulan di Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB). Sebelum berkhidmat di MRCB, beliau bekerja untuk Usaha Tegas dan MEASAT. Beliau merupakan seorang peguamcara bertauliah di England, dan pengamal Undang-Undang Korporat di dua firma guaman antarabangsa di London.

Tn. Anil memegang Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Undang-Undang dari King's College London; dan menamatkan pengajian Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan di École Supérieure des Sciences Economiques et Commerciales (ESSEC).

# KETUA PEGAWAI **EKSEKUTIF**




Tn. Iskandar Ismail dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MyCC pada 15 Oktober 2018 selepas berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan selama lebih 5 tahun. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) daripada Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 1997 dan Sarjana Undang-Undang dan Perbandingan daripada Sekolah Undang-Undang Universiti George Washington, Washington DC. Beliau telah diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaysia dan telah berkhidmat di Bank Negara Malaysia sebagai Pegawai Pendakwa selama 7 tahun. Sebelum menyertai MyCC, beliau merupakan Pendakwaraya untuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk Rwanda di Tanzania selama 8 tahun.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Iskandar telah mengetuai dan menyelia siasatan ke atas kes- kes penting MyCC seperti Malaysian Airline Systems Bhd dan AirAsia Berhad, Pengendali Depoh Kontena di Pulau Pinang, My E.G Services Bhd, Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya, Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. dan beberapa lagi. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau turut menyelia kes melibatkan Grab dan kes tipuan bida pertama di Malaysia yang melibatkan 8 syarikat teknologi maklumat (IT). Beliau juga mengetuai Kajian Semula Pasaran untuk Sektor Makanan dan Kajian Semula untuk Pasaran Sektor Perkhidmatan (Borong dan Runcit untuk Produk Terpilih) yang mendapat perhatian luas dan impak positif daripada pelbagai pihak. Beliau juga sering dijemput untuk menjadi penceramah di beberapa persidangan, forum dan seminar di dalam dan luar negara memandangkan pengalaman dan pengetahuan praktikal beliau yang luas dalam penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan. Tn. Iskandar juga dilantik sebagai Pengerusi ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) mewakili Malaysia pada tahun 2019.

# MESYUARAT SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA 2021

**Mesyuarat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MCCM) 2021 - Pengurusan**

| Bil | Anggota Suruhanjaya | MCCM No. 1/2021 | MCCM No. 2/2021 | MCCM No. 3/2021 | MCCM No. 4/2021 | MCCM No. 5/2021 | MCCM No. 6/2021 | MCCM No. 7/2021 | MCCM No. 8/2021 | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tarikh | 4 Jan | 16 Feb | 29 Mac | 15 Jun | 23 Jul | 23 Ogo | 15 Nov | 15 Dis | |
| 1. | Dato' Seri Mohd Hishamudin bin Md Yunus | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | 8/8 |
| 2. | Dato' Jagjit Singh a/l Bant Singh | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | 8/8 |
| 3. | Datuk Tay Lee Ly | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | 8/8 |
| 4. | Dr. Nasarudin bin Abdul Rahman | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | 8/8 |
| 5. | Dato' Ir. Haji Mohd Jamal bin Sulaiman | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | 8/8 |
| 6. | Dr. Nor Mazny binti Abdul Majid | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | 8/8 |
| 7. | Dato' Dr. Madeline Berma | ? | | ? | ? | ? | ? | | ? | 6/8 |
| 8. | Tn. Anil Abraham | ? | ? | ? | ? | ? | ? | ? | | 7/8 |
| 9. | Pn. Siti Juriani binti Jalaluddin | ? | | ? | ? | ? | ? | ? | ? | 7/8 |
| 10. | Tn. Arunan Tan Sri K. Kumaran | Tarikh Pelantikan: 15 Februari 2021 | | ? | ? | ? | ? | ? | ? | 6/6 |
| | **Jumlah** | 10/10 | 7/9 | 10/10 | 10/10 | 10/10 | 10/10 | 9/10 | 9/10 | |

# MESYUARAT SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA 2021

**Mesyuarat Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MCCM) 2021- Kes**

| Bil | Anggota Suruhanjaya | MCCM No. 1/2021 | MCCM No. 2/2021 | MCCM No. 3/2021 | MCCM No. 4/2021 | MCCM No. 5/2021 | MCCM No. 6/2021 | MCCM No. 7/2021 | MCCM No. 8/2021 | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Tarikh | 4 Jan | 8 Feb | 30 Mac | 15 Jun | 26 Jul | 27 Ogo | 16 Nov | 17 Dis | |
| 1. | Dato' Seri Mohd Hishamudin bin Md Yunus | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | 8/8 |
| 2. | Dato' Jagjit Singh a/l Bant Singh | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | 8/8 |
| 3. | Datuk Tay Lee Ly | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | 8/8 |
| 4. | Dr. Nasarudin bin Abdul Rahman | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | 7/8 |
| 5. | Dato' Ir. Haji Mohd Jamal bin Sulaiman | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | 8/8 |
| 6. | Dr. Nor Mazny binti Abdul Majid | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | 7/8 |
| 7. | Dato' Dr. Madeline Berma | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ | | | 4/8 |
| 8. | Tn. Anil Abraham | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | 7/8 |
| 9. | Pn. Siti Juriani binti Jalaluddin | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | 8/8 |
| 10. | Tn. Arunan Tan Sri K. Kumaran | Tarikh Pelantikan: 15 Februari 2021 | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | 5/6 |
| | **Jumlah** | 9/9 | 7/9 | 9/10 | 9/10 | 10/10 | 10/10 | 8/10 | 8/10 | |




# PERISTIWA **PENTING**

# PERISTIWA PENTING 2010-2021

## 2010

| | |
|---|---|
| April | Dasar dan rang undang-undang baharu diluluskan |
| Jun | Akta 712 dan Akta 713 diwartakan |

## 2011

| | |
|---|---|
| April | Pembentukan MyCC dan permulaan operasi |

## 2012

| | |
|---|---|
| Januari | Akta 712 mula berkuatkuasa |
| Mei | Garis panduan mengenai Prosedur Aduan, Definisi Pasaran dan Larangan (Perjanjian Antipersaingan) diterbitkan |
| Julai | 'Buku Panduan untuk Masyarakat Awam' dan Garis panduan mengenai Larangan (Penyalahgunaan Kedudukan Dominan) diterbitkan |
| Disember | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Cameron Highlands Floriculturist Association kerana penetapan harga |
| Disember | Program Geran Penyelidikan (RGP) MyCC dilancarkan |

## 2013

| | |
|---|---|
| Januari | Pembukaan rasmi ibu pejabat MyCC di Menara SSM@Sentral |
| Julai | Kajian Semula Pasaran mengenai Penetapan Harga oleh Badan Profesional di Malaysia diterbitkan |
| Julai | Kajian Garis Dasar mengenai kesedaran Akta Persaingan 2010 dilaksanakan |
| September | 'Akta Persaingan 2010: Panduan untuk Perniagaan' dan 'Garis Panduan Pematuhan' diterbitkan |
| September | Persidangan Undang-Undang Persaingan yang pertama di Malaysia telah dianjurkan oleh MyCC |

# PERISTIWA PENTING 2010-2021

## 2014

| | |
|---|---|
| Mac | Kajian Semula Pasaran mengenai Daging Ayam Tempatan diterbitkan |
| Mac | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Malaysia Airlines, AirAsia dan AirAsia X kerana terlibat dalam perjanjian antipersaingan |
| Jun | ‘Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Perolehan Awam’ dan ‘Bantu Kami Kenal Pasti Tipuan Bida’ diterbitkan |
| Oktober | Garis panduan mengenai Penalti Kewangan dan Rejim Kelonggaran diterbitkan |

## 2015

| | |
|---|---|
| Januari | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap 24 Pengeluar-Pengeluar Ais kerana penetapan harga |
| Februari | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu kerana penetapan harga |

## 2016

| | |
|---|---|
| Jun | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap lima (5) Pengendali Depoh Kontena kerana terlibat dalam perjanjian antipersaingan |
| Jun | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap My E.G. Services Berhad kerana penyalahgunaan kedudukan dominan |

## 2017

| | |
|---|---|
| Mac | Persidangan Persaingan Malaysia 2017 “*Competition Law: Breaking Norms, Managing Change*”, telah dianjurkan oleh MyCC |
| Disember | Kajian Semula Pasaran mengenai Sektor Farmaseutikal dan Bahan Binaan dalam Industri Pembinaan diterbitkan |

# PERISTIWA PENTING 2010-2021

## 2018

| | |
|---|---|
| **Oktober** | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap tujuh (7) Pusat Tuisyen dan Penjagaan Harian kerana penetapan harga |

## 2019

| | |
|---|---|
| **Mac** | Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap lapan (8) perusahaan melibatkan Perolehan Perkhidmatan IT kerana tipuan bida |
| **Ogos** | Kajian Semula Pasaran mengenai Sektor Makanan diterbitkan |
| **Oktober** | Keputusan Cadangan dikeluarkan terhadap Grab Inc., GrabCar Sdn. Bhd. dan MyTeksi Sdn. Bhd. kerana penyalahgunaan kedudukan dominan |

## 2020

| | |
|---|---|
| **Ogos** | Kajian Semula Pasaran mengenai Sektor Perkhidmatan (Borong dan Runcit untuk Produk Terpilih) diterbitkan |
| **September** | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya kerana terlibat dalam perjanjian antipersaingan |

## 2021

| | |
|---|---|
| **Februari** | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. kerana penyalahgunaan kedudukan dominan |
| **April** | Penjenamaan semula dan reka bentuk semula logo MyCC dilancarkan |
| **Ogos** | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap tujuh (7) pengusaha operator gudang di Pelabuhan Klang kerana penetapan harga |
| **Oktober** | Kajian Semula Pasaran di bawah Akta Persaingan 2010 bagi Sektor Pengangkutan Terpilih (Ekosistem Pelabuhan dan Warranti Kenderaan Bermotor) diterbitkan |
| **Disember** | Pelan Strategik MyCC 2021-2025 dilancarkan |
| **Disember** | Keputusan Akhir dikeluarkan terhadap Pengendali Ro-Ro Langkawi kerana penetapan harga |



# ULASAN
# TAHUN 2021


- Aktiviti Penguatkuasaan 35
- Nasihat Dasar 38
- Kajian Semula Pasaran 39
- Program Antarabangsa 43
    - Pembinaan Kapasiti 46
    - Mesyuarat 50
- Program Advokasi 52
- Komunikasi dan Perhubungan Awam 59
    - MyCC dalam Berita 64

# AKTIVITI-AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2021, MyCC telah menjalankan beberapa penyiasatan dan penguatkuasaan terhadap beberapa perusahaan berikutan pelanggaran Akta 712.

## Dapatan Pelanggaran

(Seksyen 40)

**Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.**

Pada 25 Februari 2021, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Akhir terhadap Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (Dagang Net) menurut Seksyen 40 Akta 712.

MyCC memutuskan bahawa Dagang Net telah melanggar seksyen 10(1) Akta Persaingan 2010 setelah didapati mengenakan klausa eksklusif dalam urusniaga tersebut dengan pembekal perisian National Single Window (NSW) dari Oktober 2015 hingga November 2017. Dagang Net, yang merupakan anak syarikat Dagang NeXchange Berhad, adalah penyedia perkhidmatan yang tunggal dalam penyediaan perkhidmatan fasiliti perdagangan dalam talian bagi Sistem Maklumat Kastam di bawah NSW. NSW merupakan sebuah ekosistem berasaskan elektronik yang membolehkan dokumen dan transaksi yang berkaitan dengan urusan perkastaman dipindahkan secara elektronik antara komuniti perdagangan dan pihak pengawal selia di Malaysia melalui titik masuk tunggal.

Denda sebanyak RM10,302,475.98 telah dikenakan terhadap Dagang Net. Dalam keputusan tersebut, MyCC juga mengarahkan Dagang Net untuk menghentikan penglibatannya dalam perjanjian eksklusif pada masa hadapan yang boleh menghalang persaingan dalam penyediaan perkhidmatan fasilitasi perdagangan. MyCC juga mengarahkan agar pengarah-pengarah dan pihak pengurusan Dagang Net untuk mengikuti latihan pematuhan undang-undang persaingan atas kos mereka sendiri.

**Tujuh Pengusaha Operator Gudang di Pelabuhan Klang**

Pada 9 Ogos 2021, MyCC mengenakan penalti kewangan berjumlah dari RM26,363.03 sehingga RM336,369.13 terhadap tujuh (7) pengusaha operator gudang kerana penglibatan mereka dalam kartel penetapan harga berhubung dengan perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat kargo import dan eksport di Pelabuhan Klang.

Dalam penyiasatannya, MyCC mendapati bahawa antara Mei 2017 dan Disember 2019, ketujuh-tujuh pengusaha operator gudang ini telah membentuk satu kartel dan berkomplot untuk menetapkan surcaj bagi perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat kargo. Semasa serbuan terhadap operator-operator terbabit, MyCC mendapati bahawa melalui aplikasi WhatsApp, mereka telah berbincang untuk menetapkan surcaj walaupun mengetahui bahawa mereka adalah pesaing-pesaing di dalam pasaran perkhidmatan gudang. Dalam serbuan yang sama, MyCC turut mendapati mereka telah membentuk suatu perjanjian kartel melalui dokumen 'Memorandum Surcaj' bertarikh 22 Mei 2017. Dalam memorandum tersebut, semua operator terbabit telah bersetuju untuk mengenakan harga yang dipersetujui mulai 1 Jun 2017.

Secara kolektif, jumlah keseluruhan denda tersebut adalah RM1,043,012.52. Dalam keputusan tersebut, MyCC juga mengarahkan kesemua pengusaha operator gudang ini untuk menghentikan penglibatannya dalam perjanjian penetapan harga yang boleh menghalang persaingan dalam perkhidmatan pengendalian muatan panjang dan muatan berat ke atas semua kargo import dan eksport. MyCC juga mengarahkan penetapan caj-caj berkaitan ditentukan secara bebas oleh kesemua operator selepas ini dan untuk masa hadapan.

# AKTIVITI-AKTIVITI PENGUATKUASAAN

**Pengendali Ro-Ro Langkawi**

Pada 29 Disember 2022, tiga (3) pengendali Ro-Ro utama di Langkawi telah didenda penalti kewangan oleh MyCC berjumlah dari RM 250,172.25 sehingga kenaikan tambang pengangkutan kenderaan melalui kapal Ro-Ro di antara Langkawi dan Kuala Perlis dan sebaliknya

Hasil siasatan MyCC mendapati bahawa tiga pengendali Ro-Ro utama bersama dua perusahaan lain telah terlibat dalam perbincangan tertutup untuk menaikkan dan menetapkan tambang bagi kenderaan komersial serta kenderaan persendirian yang menggunakan kapal Ro-Ro milik kesemua perusahaan tersebut. Tindakan tersebut telah membawa kepada pembentukan kartel penetapan harga melalui dua Memorandum Persefahaman (MoU) bermula dari tahun 2018 hingga 2019.

Secara kolektif, jumlah keseluruhan denda tersebut adalah RM 2,191,580.41 dan MyCC juga mengarahkan kesemua perusahaan tersebut untuk serta merta menghentikan dan mengelakkan daripada terlibat dalam kartel penetapan harga pada masa yang akan datang, yang boleh mengganggu persaingan dalam pasaran. MyCC turut mengarahkan perusahaan-perusahaan tersebut untuk menentukan caj secara berasingan di masa hadapan. Memandangkan keadaan ekonomi yang terjejas akibat pandemik COVID-19, MyCC telah bersetuju untuk memberikan pengurangan daripada jumlah awal penalti kewangan dan mereka diberi tempoh moratorium selama enam (6) bulan dari tarikh keputusan untuk membayar denda tersebut. Seterusnya, perusahaan-perusahaan tersebut dibenarkan untuk membayar penalti secara ansuran bagi tempoh yang telah diberikan oleh pihak MyCC.

**Aku Janji**
(Seksyen 43)

**Persekutuan Persatuan Pemilik Bengkel Kereta Malaysia (FAWOAM)**

MyCC telah menerima aku janji secara rasmi daripada Persekutuan Persatuan Pemilik Bengkel Kereta Malaysia (FAWOAM) berhubung dengan cadangan untuk menetapkan struktur harga.

Struktur penetapan harga baharu yang dicadangkan berkenaan dengan bayaran penyimpanan, penundaan, pemprosesan dan Puspakom dikatakan merupakan keputusan yang dibuat menurut mesyuarat Jawatankuasa Kecil Insurans FAWOAM. Walaupun struktur penetapan harga baharu yang dicadangkan masih belum dilaksanakan, keputusan yang dibuat oleh FAWOAM, sebagai sebuah persatuan, dengan matlamat untuk menetapkan harga yang merupakan kemungkinan pelanggaran dalam Seksyen 4(1) dibaca bersama Seksyen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010.

Untuk menangani kebimbangan MyCC, FAWOAM telah mengambil keputusan untuk mengadakan Mesyuarat Agung dalam tempoh 21 hari dari tarikh Perjanjian itu ditandatangani, dengan agenda untuk menarik balik keputusan yang dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Kecil Insurans FAWOAM. FAWOAM juga tidak boleh mengadakan sebarang bentuk perbincangan mengenai isu yuran yang dikenakan kepada ahli FAWOAM dan tidak mengambil sebarang langkah ke arah melaksanakan struktur harga yang dicadangkan. FAWOAM juga akan memberitahu semua ahlinya tentang keputusan untuk membatalkan struktur harga yang dicadangkan melalui surat, e-mel dan bentuk komunikasi lain, serta mengeluarkan dan menerbitkan Aku janji melalui Notis di laman web rasmi dan media sosial FAWOAM.

# AKTIVITI-AKTIVITI
# PENGUATKUASAAN

**Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. (MCM)**

Aku janji ini dibuat oleh Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd. (MCM) berhubung kemungkinan tingkah laku persaingan berhubung perkhidmatan pengesahan dan pengesahan semula alat timbang dan sukat yang digunakan dalam pasaran perdagangan di Malaysia dengan menyerap SST bagi pihak pelanggannya.

Untuk menangani kebimbangan MyCC, MCM telah mengeluarkan memorandum kepada pekerjanya, menyatakan bahawa MCM telah menghentikan dan merungkai dakwaan penyerapan SST. MCM juga telah mengadakan Mesyuarat Agung dalam tempoh 21 hari dari tarikh menandatangani Aku janji ini, dengan agenda menarik balik keputusan yang dibuat dalam Resolusi Pengarah pada 15 September 2020 bahawa MCM bersetuju untuk menyerap SST bagi pihak pelanggannya. Pada masa yang sama, MCM juga berjanji untuk mengelak daripada mengambil sebarang langkah yang mempunyai objek atau kesan yang sama seperti dasar penyerapan SST sebelumnya. MCM juga berjanji untuk memberitahu semua pelanggannya tentang keputusan yang dinyatakan di atas melalui surat, e-mel dan/atau bentuk komunikasi lain.

## Ringkasan Statisktik 2021

**22** Penyiasatan

**192** Penilaian

| | Aktif | Tutup |
|---|---|---|
| Aduan | 139 | 53 |
| Ex-Officio | 49 | 45 |
| Arahan Menteri | 15 | 12 |

## Jumlah Statistik 2012-2021




| | Jumlah Terima | Jumlah Tutup |
|---|---|---|
| ADUAN | 1,000 | 814 |
| EX-OFFICIO | 52 | 47 |
| ARAHAN MENTERI | 15 | 12 |

# NASIHAT DASAR

Tugas-tugas nasihat yang dijalankan oleh MyCC adalah dalam bentuk nasihat dasar, pendapat undang-undang dan nasihat, serta nasihat ekonomi.

Pada tahun 2021, MyCC telah mengeluarkan sejumlah 11 nasihat dasar berkaitan isu-isu persaingan kepada kementerian dan agensi Kerajaan di Malaysia.

MyCC telah memberikan cadangan dasar dan nasihat kepada Kerajaan dan agensi Kerajaan berikut:

1. **Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)**
2. **Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**
3. **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)**
4. **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**
5. **Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)**
6. **Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)**
7. **Kerajaan Negeri Pulau Pinang**
8. **Bank Negara Malaysia (BNM)**
9. **Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

# KAJIAN SEMULA **PASARAN**




## KAJIAN SEMULA PASARAN BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN TERPILIH (EKOSISTEM LOGISTIK PELABUHAN DAN WARANTI KENDERAAN BERMOTOR)

**Latar Belakang**

MyCC telah berjaya menyempurnakan Kajian Semula Pasaran bagi Sektor Pengangkutan Terpilih di Malaysia (Ekosistem Logistik Pelabuhan dan Waranti Kenderaan Bermotor). Majlis pelancaran Kajian Semula Pasaran ini telah diadakan secara maya pada 5 Oktober 2021 dan telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi di pejabat MyCC di Kuala Lumpur. Laporan semakan pasaran terbuka untuk rujukan umum dan boleh dimuat turun dari laman web MyCC. Laporan kajian semula pasaran ini adalah untuk rujukan am dan boleh didapati dalam bentuk salinan fizikal dan juga digital yang boleh diakses melalui laman web MyCC.

Kuasa MyCC untuk menjalankan kajian semula pasaran adalah tertakluk kepada Seksyen 11 Akta Persaingan 2010 (AP 2010), yang mana MyCC atas inisiatifnya sendiri, atau atas permintaan Menteri, diberi kuasa untuk menjalankan kajian terhadap mana-mana pasaran untuk menentukan sama ada sebarang ciri atau gabungan ciri pasaran boleh menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

Kajian ini memfokuskan kepada dua (2) sub-sektor dalam sektor pengangkutan di Malaysia iaitu;

### EKOSISTEM LOGISTIK PELABUHAN



### WARANTI KENDERAAN BERMOTOR



# KAJIAN SEMULA **PASARAN**

Dalam lingkugan masa 14 bulan dan cabaran disebabkan pandemik COVID-19, Kajian Semula Pasaran Sektor Pengangkutan Terpilih di Malaysia (Ekosistem Logistik Pelabuhan dan Waranti Kenderaan Bermotor) telah dilaksanakan dari bulan Julai 2020 hingga Ogos 2021 dengan penglibatan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri dan persatuan pengguna, ahli akademik dan lain-lain.

Bagi memastikan kajian pasaran yang inklusif dan berimpak tinggi, satu sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD) telah diadakan pada 10 dan 14 September 2019 di Hotel Maya dan Hotel Aloft, Kuala Lumpur. Di samping itu, sesi rundingan awam dalam talian telah diadakan pada 24 Jun 2021 bagi sektor swasta dan orang ramai; dan pada 25 Jun 2021 untuk pegawai kerajaan. Pihak berkepentingan yang berkaitan dalam sektor pengangkutan juga diberi peluang untuk memberikan pandangan dan input tambahan kepada MyCC melalui laman webnya untuk menambah baik hasil penyelidikan dan memastikan objektif yang dirangka dapat dicapai sepenuhnya.

Kajian semula pasaran ini telah mengkaji beberapa kemungkinan isu persaingan, pasaran dan kawal selia dalam dua subsektor. Ringkasan kemungkinan isu persaingan adalah seperti berikut:

## EKOSISTEM LOGISTIK PELABUHAN

**Pengendali Pelabuhan**

- Syarikat konsesi yang melaksanakan hak di bawah perjanjian konsesi dengan cara yang berpotensi mengakibatkan kesan buruk terhadap persaingan.
- Sambungan infrastruktur yang lemah dan keselamatan keadaan jalan raya.

**Pelayaran Tetap**

- Kemungkinan amalan bersepadu dalam memperkenalkan caj tanah terpilih dan tindakan harga berikutan kenaikan caj.
- Pengutipan wajib deposit kontena oleh kapal perkapalan sama dengan keadaan perdagangan yang tidak seimbang.
- Kemungkinan urusan eksklusif antara syarikat perkapalan dan pengendali depoh.

**Pengendali Kontena Depot**

- Kemungkinan tingkah laku seperti kartel dan penetapan harga semasa pengenalan DGC.
- Kemungkinan mengikut harga atau amalan bersepadu dalam bentuk DGC.
- Pengendali depoh luar dok yang tidak dikawal dan tidak berlesen.

**Penghantar Barang**

- Kelayakan untuk status *Integrated Logistics Services* (IILS).

**Operator Gudang**

- Keperluan pelesenan dalam mengeluarkan Lesen Gudang Berlesen Awam mungkin mengehadkan bilangan kemasukan baharu.

# KAJIAN SEMULA **PASARAN**

### *Hauliers*

- Kemungkinan penetapan harga/amalan gabungan *hauliers* melalui pengenaan caj *Fuel Adjustment Factor* (FAF).
- Penggabungan dan pengambilalihan (M&A) mencetuskan kebimbangan terhadap pakatan sulit dan pengecualian.
- Proses yang panjang dan tidak perlu dalam mendapatkan lesen kecekapan kenderaan berat (kelas E).

### Kastam dan OGA

- Keperluan kelulusan untuk *Customs Brokerage Licence* (CBL) mungkin mengehadkan bilangan kemasukan baharu dan berkemungkinan menyekat serta mengganggu persaingan.
- *Fatigue regulatory requirements* mengehadkan peluang pengembangan perniagaan.
- Perbezaan dalam amalan pelepasan kastam.

## WARANTI KENDERAAN BERMOTOR

- Sekatan waranti yang dikenakan oleh pengeluar kereta boleh menghalang atau menyekat persaingan dalam industri pembaikan dan perkhidmatan kereta.
- Perjanjian antara pengeluar kereta dan syarikat insurans menyebabkan rampasan pasaran pembaikan kemalangan kereta.
- Salah laku tidak beretika oleh bengkel 3S/4S.
- Kemungkinan kekurangan ketelusan untuk cetakan halus dalam terma dan syarat jaminan.

Terdapat 23 cadangan dalam ekosistem logistik pelabuhan dan 8 cadangan untuk bahagian waranti dalam laporan tersebut. Laporan tersebut telah mencadangkan beberapa cadangan seperti berikut:

## EKOSISTEM LOGISTIK PELABUHAN

- MyCC akan menggunakan kuasa penguatkuasaannya untuk menentukan sama ada terdapat kartel dalam *landside charges*, caj perkapalan, depot gate charges dan FAF.
- Untuk mengkaji semula perjanjian konsesi pengusaha pelabuhan untuk mencapai peralihan dasar dalam memastikan persaingan dalam pasaran yang berkaitan.
- Untuk membetulkan isu kawal selia dan dipacu pasaran melalui penyelarasan prosedur kastam, rangka kerja kawal selia dan pendigitalan.
- Untuk menyeragamkan dan menyelaraskan pelesenan pemain luar dok dan dalam dok; dan pemerkasaan penggabungan dan pengambilalihan (M&A) untuk MyCC.
- Untuk mengenal pasti kekurangan infrastruktur, seterusnya, untuk membangunkan dan memodenkan infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan sektor logistik pelabuhan.
- Menjalankan kajian khusus mengenai semakan keperluan kelulusan dalam mengeluarkan lesen IILS, CBL dan gudang awam bagi memudahkan kemasukan pemain baharu.

### Objektif

Kajian semula pasaran ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- Memahami struktur pasaran dan menilai aktiviti pasaran di sepanjang rantaian bekalan.
- Kenal pasti isu, cabaran dan amalan antipersaingan dalam ekosistem logistik pelabuhan dan waranti kenderaan bermotor.

# KAJIAN SEMULA **PASARAN**

- Memberi peluang untuk menilai amalan dan peraturan lazim industri yang menyekat persaingan dan menyebabkan beban kawal selia yang tidak perlu.
- Menentukan tahap gangguan dalam pasaran dan keperluan campur tangan kerajaan untuk mencegah tingkah laku antipersaingan dalam pasaran ekosistem logistik pelabuhan dan waranti kenderaan bermotor.
- Mencadangkan penambahbaikan untuk memasukkan agensi kerajaan dan pihak berkuasa dalam sektor yang telah ditetapkan untuk meminimumkan kesan sebenar atau potensi daripada membendung peraturan terhadap persaingan.

**Pencapaian**

- Selaras dengan objektif kajian ini, MyCC mengadakan sesi penglibatan dengan Kementerian, agensi berkaitan dan pemain industri yang terlibat untuk menyebarkan hasil kajian.
- Majlis pelancaran yang diadakan bagi menyebarkan hasil kajian ini telah dihadiri oleh lebih 200 peserta yang mewakili agensi kerajaan, wakil kedutaan asing di Malaysia, ahli akademik dan peguam, pemain industri, persatuan industri dan pengguna, media dan orang awam.










# PROGRAM ANTARABANGSA

Pada peringkat antarabangsa, MyCC juga terlibat secara aktif dalam persidangan, bengkel, mesyuarat dan pembinaan kapasiti di luar negara. Sebagai anggota ASEAN Experts Group on Competition (AEGC), International Competition Network (ICN), Organization for Economic Cooperation and Development (OECD), United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) dan lain-lain, MyCC sering menerima undangan untuk menyertai program di luar negara sama ada sebagai penceramah, peserta, ahli mesyuarat dan juga moderator.

Pada tahun 2021, MyCC telah berjaya mengadakan 98 program kerjasama antarabangsa, menghadiri sejumlah 77 program pembinaan kapasiti dan 21 mesyuarat di peringkat antarabangsa yang merangkumi forum, bengkel, program penempatan dan program pembinaan kapasiti antarabangsa.

## PROGRAM ANTARABANGSA

### Majlis Pelancaran *"OECD Reports: OECD Competition Assessment Reviews of the Logistics Sector in Malaysia and OECD Competitive Neutrality Reviews: Small-Package Delivery Services in Malaysia"*

Pada 5 Oktober 2021, MyCC telah mengadakan majlis pelancaran dua laporan (2) Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) yang bertajuk *"OECD Competition Assessment Reviews of the Logistics Sector in Malaysia"* dan *"OECD Competitive Neutrality Reviews: Small-Package Delivery Services in Malaysia"*. Majlis ini telah dilancarkan secara maya dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Melalui usaha sama antara Association of Southeast Asian Nations (ASEAN), OECD dan MyCC, OECD telah menjalankan dua kajian di bawah projek *Fostering Competition in ASEAN* bermula daripada November 2018 yang bertujuan untuk menilai dan mengenal pasti perundangan dan polisi yang mempunyai impak atau potensi untuk menghalang, menyekat dan mengganggu persaingan dalam pasaran logistik dan perkhidmatan penghantaran bungkusan kecil di Malaysia. Kedua-dua kajian telah dimuktamadkan pada bulan Julai 2021 dengan penghasilan dua laporan OECD tersebut.

Semasa majlis pelancaran tersebut, satu sesi perbincangan secara panel berjudul "*Discussion on Takeaways from the OECD Reports and the Market Review on Malaysia Transportation Sector*" telah diadakan bagi membincangkan hasil kedua-dua laporan OECD tersebut serta sektor pengangkutan di Malaysia melalui perspektif MyCC, OECD dan juga beberapa pihak lain. MyCC juga telah menjemput pakar undang-undang persaingan seperti Mr. Ruben Maximiano, Senior Competition Expert, OECD; Ms. Graciella Miralles, Senior Economist, World Bank Group dan pakar logistik serta pemain industri, Dato' Seri (Dr) Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif, PKT Logistics Group Sdn. Bhd. sebagai ahli panel bagi program tersebut.

### Objektif

Pelancaran ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut:

1. Membentangkan hasil kajian laporan-laporan tersebut kepada pihak-pihak berkepentingan di Malaysia
2. Membincangkan pelbagai cadangan untuk tindakan yang boleh diambil bagi memastikan persaingan sihat dalam pasaran logistik

# PROGRAM ANTARABANGSA

**Pencapaian**

Program ini telah mendapat sambutan seramai 300 penonton secara atas talian yang terdiri daripada pihak berkepentingan dalam sektor pengangkutan dan perkhidmatan penghantaran pakej kecil, agensi-agensi kerajaan dan swasta, agensi-agensi persaingan dari Negara Anggota ASEAN, perwakilan-perwakilan kedutaan asing, pemain-pemain industri, persatuan-persatuan industri dan pengguna, media serta orang awam.












***Competition Law Seminar for Japanese Companies***

MyCC dengan kerjasama Japan International Cooperation Agency (JICA) dan Japan Fair Trade Commission (JFTC) telah menganjurkan seminar bertajuk "*Competition Law Seminar for Japanese Companies*" pada 22 Februari 2021 secara atas talian. Program ini dihadiri oleh peserta yang terdiri daripada pemain-pemain industri dari Jepun.

Pihak MyCC, JICA dan JFTC telah menjemput penceramah yang terdiri daripada pegawai-pegawai MyCC dan JFTC serta seorang peguam terkemuka dari Jepun iaitu:

- En. Obata Shinichiro (Penasihat Pakar Undang-undang, JFTC);
- Cik Nurafinie Binti Mohd Fadzly (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Undang-undang, MyCC); dan
- En. Ogihara Seiji (Peguam bela, TNY Group).

# PROGRAM ANTARABANGSA

**Objektif**

Seminar ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. Memberikan pendedahan kepada pemain-pemain industri mengenai penguatkuasaan, peranan dan pengenalan undang-undang persaingan di Malaysia

2. Memberikan informasi berkaitan proses pindaan Akta Persaingan 2010 (Akta 712) untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan dan pengambilalihan (*Merger and Acquisition*) ke dalam Akta tersebut

3. Memberikan sudut pandangan peguam berkaitan undang-undang persaingan di Malaysia

**Pencapaian**

Kira-kira terdapat 20 orang peserta yang terdiri daripada pemain-pemain industri telah hadir ke seminar ini. Seminar ini mendapat maklum balas yang baik daripada peserta kerana topik-topik yang dibincangkan bersesuaian dengan aktiviti-aktiviti perniagaan peserta.

| Bil | Program/Projek | Tarikh | Organisasi Kerjasama |
|---|---|---|---|
| 1. | *Competition Law Seminar for Japanese Companies* | 22 Februari 2021 | ▸ Japan International Cooperation Agency (JICA)<br>▸ Japan Fair Trade Commission (JFTC) |
| 2. | *Launching Ceremony of "OECD Reports: OECD Competition Assessment Reviews of the Logistics Sector in Malaysia and OECD Competitive Neutrality Reviews: Small-Package Delivery Services in Malaysia"* | 5 Oktober 2021 | ▸ Organization for Economic Co-operation and Development (OECD)<br>▸ Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) |

`

# PROGRAM ANTARABANGSA

**Pembangunan Kapasiti**

| Bil | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | *JFTC's Expert Placement Program* | 7 Januari 2021 – 6 Januari 2022 | Malaysia |
| 2. | *2nd Cartels Workshop (Workshop I Substantive Issues)* | 20 Januari 2021 | Dalam Talian |
| 3. | *2nd Cartels Workshop (Workshop II Procedural Issues)* | 21 Januari 2021 | Dalam Talian |
| 4. | *USDOJ: ASEAN Merger Investigation Workshop* | 27 Januari, 10 Februari dan 17 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 5. | *ASEAN-OECD Discussion on the OECD Competition Assessment Reviews and Competitive Neutrality Reviews in ASEAN* | 2 – 3 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 6. | *ICN - CWG Agency-only Webinar Practical Challenges in Cartel Investigations at times of COVID-19* | 10 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 7. | *ACCEC EU-ASEAN Virtual Launching and Workshop for the E-Commerce Report* | 17 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 8. | *Concurrences Webinar: How to Prevent Antitrust Breaches? Fostering A Culture of Compliance* | 18 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 9. | *WBG-ICC Virtual Roundtable Discussion: "The Evolving Nature of Merger Control in Digital Markets"* | 19 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 10. | *JICA/JFTC Online Group Training* | 15 – 19 Februari 2021, 1 – 5 Mac 2021 | Dalam Talian |
| 11. | *Online Competition Law Seminar for Japanese Companies Operating in Malaysia* | 22 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 12. | *2021 Forum on Competition in Developing Countries* | 22 – 23 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 13. | *OECD Workshop on "Methodologies to Measure Market Competition"* | 23 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 14. | *ASSOCHAM Virtual Roundtable Discussion "Enabling a Trillion Dollar Digital Economy"* | 26 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 15. | *ASEAN Regional Policy Dialogue (ARPD) on Competition Policy and MSMEs in the post COVID-19 Crisis* | 2 Mac 2021 | Dalam Talian |
| 16. | *CLIP Train-the-Trainer* | Mac – Mei 2021 | Dalam Talian |
| 17. | *CCCS-SAL Competition Law Series 2021 Transcending Boundaries – Competition Law in a Digital Era* | 3, 10, 17, 24 & 31 Mac 2021 | Dalam Talian |
| 18. | *Bundeskartellamt 20th International Conference on Competition* | 4 Mac 2021 | Dalam Talian |

# PROGRAM ANTARABANGSA

**Pembangunan Kapasiti**

| Bil | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 19. | *2nd Digital and Competition Conference: 4-Webinar Series* | 9 – 12 Mac 2021 | Dalam Talian |
| 20. | *ACCC 2021 National Consumer Congress Virtual Lecture Series* | 15, 22, 29 Mac 2021 & 12 April 2021 | Dalam Talian |
| 21. | *ABA Antitrust Law Section's 69th Spring Meeting* | 23 – 26 Mac 2021 | Dalam Talian |
| 22. | *Concurrences Webinar: How to Detect and React to Antitrust Breaches? Practical Tools and Takeaways* | 24 Mac 2021 | Dalam Talian |
| 23. | *Turkish Competition Authority Workshop on "Competition vs. Regulation and the Appropriate Organizational Structure of a Competition Agency"* | 6 – 7 April 2021 | Dalam Talian |
| 24. | *The European Commission's Article 22 Policy: A New EU Approach to Non-Notifiable Deals* | 8 April 2021 | Dalam Talian |
| 25. | *Concurrences: 5th Antitrust in the Financial Sector Conference – Webinar #2: Current International Issues* | 13 April 2021 | Dalam Talian |
| 26. | *Concurrences Webinar: How to Detect Deploy and Implement a Compliance Program?* | 15 April 2021 | Dalam Talian |
| 27. | *Concurrences: 5th Antitrust in the Financial Sector Conference – Webinar #3: Financial Sector Consortia and Collaborations* | 20 April 2021 | Dalam Talian |
| 28. | *ASEAN Capacity Building Roadmap: Brainstorming Workshop* | 22 April 2021 | Dalam Talian |
| 29. | *Competition Enforcement Agencies Workshop on the ASEAN Competition Compliance Experience Survey-Study (ACCESS)* | 27 April 2021 | Dalam Talian |
| 30. | *Concurrences 5th Innovation Economics for Antitrust Lawyer Conference* | 28 – 30 April 2021 | Dalam Talian |
| 31. | *JICA/JFTC Workshop on "What Merger Parties Expect to Competition Authority"* | 30 April 2021 | Dalam Talian |
| 32. | *Concurrences: 2nd International Mergers Conference* | 17 – 20 Mei 2021 | Dalam Talian |
| 33. | *Launch of OECD report "Fighting Bid Rigging in Brazil: A Review of Federal Public Procurement"* | 19 Mei 2021 | Dalam Talian |
| 34. | *Quantitative Methods for Competition Analysis, Graduate School of Economics Barcelona* | 24 – 28 Mei 2021 | Dalam Talian |
| 35. | *Concurrences 12th New Frontiers of Antitrust Conference* | 8 – 11 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 36. | *OECD/KPC Workshop on Competition and Digital Markets for ASEAN Competition Authorities, in co-operation with PCC* | 14, 16 – 17 Jun 2021 | Dalam Talian |

# PROGRAM ANTARABANGSA

**Pembangunan Kapasiti**

| Bil | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 37. | *CPRC JFTC 49th Open Seminar on Competition Law Enforcement and Competition Regulation: The Digital Challenge* | 18 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 38. | *UNCTAD CCPB Global Event: Competition Policy and MSMEs "Presentation of Phase III Activities of the Project "Resurgence of MSMEs in times of COVID-19"* | 18 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 39. | *JICA/JFTC Workshop on Leniency Program* | 21 – 22 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 40. | *ICN Town Hall: Younger Agencies in the Third Decade* | 22 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 41. | *2nd Antitrust in Life Sciences Conference Generics: Pay-for-Delay, Patent Settlements, Reverse Payment, Price-Fixing & Market Allocation* | 24 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 42. | *2021 Competition Summer School* | 28 Jun – 9 Julai 2021 | Dalam Talian |
| 43. | *Engagement Session #2: Regulatory Quality Indicator (Competition Legislation is Efficient in Preventing Unfair Competition)* | 30 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 44. | *Engagement Session #4: Regulatory Quality Indicator (Subsidies Do Not Distort Fair Competition and Economic Development)* | 1 Julai 2021 | Dalam Talian |
| 45. | *USDOJ: ASEAN Merger Cases Workshop* | 1 – 2 Julai 2021 | Dalam Talian |
| 46. | *OECD Competition Agency Leaders Executive Program (CALEP)* | 3 – 7 Julai 2021 | Crete, Greece |
| 47. | *AECSP Case Study: CLIP Program Clip Case Study Interview* | 15 Julai 2021 | Dalam Talian |
| 48. | *CLIP Train-the-Trainer 2.0 "Developing the Skills and Know-How to Build, Train and Lead Effective Investigation Teams"* | 26 Julai – 23 September 2021 | Dalam Talian |
| 49. | *CLIP Live Panel Discussion: Regulating Competition in Digital Markets* | 27 Julai 2021 | Dalam Talian |
| 50. | *JAIF Training Course on Unilateral Conduct and Abuse of Dominant Position* | 2 – 4 Ogos 2021 | Dalam Talian |
| 51. | *CLIP Train-the-Trainer Mentoring Session 2* | 18, 19, 23 Ogos 2021 | Dalam Talian |
| 52. | *JFTC Merger Review in Digital Age* | 26 Ogos 2021 | Dalam Talian |
| 53. | *GCR Singapore: Asia-Pacific Law Leaders' Forum* | 26 Ogos 2021 | Singapura |
| 54. | *CLIP Train-the-Trainer Program Session 6 & 7* | 2, 6, 9, 16 September 2021 | Dalam Talian |

# PROGRAM ANTARABANGSA

**Pembangunan Kapasiti**

| Bil | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 55. | *ICN Virtual Skills Workshop 2021* | 2, 6, 9, 16, 20, 23, 27 September 2021 | Dalam Talian |
| 56. | *Webinar on the ICN Steering Group's Project on Competition Law Enforcement at The Intersection of Competition, Consumer Protection, and Privacy* | 7 September 2021 | Dalam Talian |
| 57. | *Antitrust in Asia, "Institutional Design: Should Competition Law be Enforced by Sectoral Regulators?"* | 14 September 2021 | Dalam Talian |
| 58. | *7th Antitrust in Asia Conference - Virtual Closing Reception* | 17 September 2021 | Dalam Talian |
| 59. | *ASEAN Ministerial Dialogue on Accelerating Actions to Achieve the Sustainable Development Goals* | 20 September 2021 | Dalam Talian |
| 60. | *CLIP Advocacy & Media Workshop* | 23 September 2021 | Dalam Talian |
| 61. | *East Asia Conference on Competition Law and Policy (EAC)* | 29 September 2021 | Dalam Talian |
| 62. | *ICN Annual Conference 2021* | 13 – 15 Oktober 2021 | Dalam Talian |
| 63. | *11th Seoul International Competition Forum* | 4 November 2021 | Dalam Talian |
| 64. | *AANZFTA CLIP Competition Clinic 3, Online Mini Workshop* | 10 November 2021 | Dalam Talian |
| 65. | *7th Winter School Economics of Competition Law* | 15 – 26 November 2021 | Dalam Talian |
| 66. | *7th BRICS International Competition Conference* | 16 – 17 November 2021 | Dalam Talian/ Chengdu, Sichuan Province, China |
| 67. | *2021 ICN Cartel Workshop* | 17-19 November 2021 | Dalam Talian |
| 68. | *OECD/KPC Workshop on Competition and Public Procurement* | 17 – 19 November 2021 | Dalam Talian |
| 69. | *OECD Online Workshop on Regulatory Barriers to Professional Services* | 18 – 19 November 2021 | Dalam Talian |
| 70. | *GCR Merger Control Masterclass* | 23 November 2021 | Dalam Talian |
| 71. | *9th ASEAN Competition Conference* | 1 – 2 Disember 2021 | Dalam Talian |

# PROGRAM ANTARABANGSA

## Pembangunan Kapasiti

| Bil | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 72. | *2021 OECD Global Forum on Competition* | 6 – 8 Disember 2021 | Dalam Talian |
| 73. | *US-ASEAN Virtual Workshop on Digital Trade Standards and Conformance* | 7 – 8 Disember 2021 | Dalam Talian |
| 74. | *ASEAN - OECD Workshop on the OECD Competition Assessment Reviews and Competitive Neutrality Reviews in ASEAN* | 9 Disember 2021 | Dalam Talian |
| 75. | *UNCTAD Research Partnership Platform Event to launch the "Report on Extraterritoriality in Competition Law Enforcement"* | 9 Disember 2021 | Dalam Talian |
| 76. | *JAIF Workshop on New Economic Issues in Merger Enforcement* | 13 – 14 Disember 2021 | Dalam Talian |
| 77. | *KFTC Virtual International Competition Workshop* | 15 Disember 2021 | Dalam Talian |

## Mesyuarat Peringkat Antarabangsa

| Bil | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | *OECD-ASEAN - Launching of Logistics and SOE Report for Philippines* | 29 Januari 2021 | Dalam Talian |
| 2. | *1st Meeting of the UNCTAD Working Group on Cross-Border Cartels* | 4 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 3. | *OECD-ASEAN - Launching of Logistics and SOE Report for Brunei* | 15 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 4. | *APEC 2021 SOM 1 – Competition Policy and Law Group (CPLG) Meeting* | 25 – 26 Februari 2021 | Dalam Talian |
| 5. | *26th AEGC and Other Related Meetings* | 22 – 25 Mac 2021 | Dalam Talian |
| 6. | *4th ASEAN Competition Enforcers' Network Meeting* | 25 Mac 2021 | Dalam Talian |
| 7. | *2nd Meeting of the UNCTAD Working Group on Cross-Border Cartels* | 13 April 2021 | Dalam Talian |
| 8. | *OECD-ASEAN - Launching of Logistics and SOE Report for Indonesia* | 27 Mei 2021 | Dalam Talian |

# PROGRAM ANTARABANGSA

## Mesyuarat Peringkat Antarabangsa

| Bil | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 9. | *3rd Meeting of the UNCTAD Working Group on Cross-Border Cartels* | 1 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 10. | *OECD-ASEAN - Launching of Logistics and SOE Report for Singapore* | 4 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 11. | *UNCTAD Intergovernmental Group of Experts (IGE) on Competition Law and Policy Nineteenth Session* | 7 - 9 Julai 2021 | Dalam Talian/ Geneva |
| 12. | *1st Official Round of the Upgrade of the AANZFTA Negotiations* | 13 – 14 Julai 2021 | Dalam Talian |
| 13. | *OECD-ASEAN - Launching of Logistics and SOE Report for Cambodia* | 28 Julai 2021 | Dalam Talian |
| 14. | *2nd Official Round of the Upgrade of the AANZFTA Negotiations* | 23 – 25 Ogos 2021 | Dalam Talian |
| 15. | *OECD-ASEAN - Launching of Logistics and SOE Report for Vietnam* | 31 Ogos 2021 | Dalam Talian |
| 16. | *East Asia Top Level Officials' Meeting on Competition Policy (EATOP)* | 28 – 29 September 2021 | Dalam Talian |
| 17. | *1st ASEAN Heads of Competition Agencies Meeting* | 11 Oktober 2021 | Dalam Talian |
| 18. | *27th AEGC and Other Related Meetings* | 12 – 15 Oktober 2021 | Dalam Talian |
| 19. | *3rd Official Round of the Upgrade of the AANZFTA Negotiations* | 27 Oktober 2021 | Dalam Talian |
| 20. | *UNCTAD Ad-Hoc Expert Group Meeting on Cross-border Cartels* | 23 November 2021 | Dalam Talian |
| 21. | *6th Meeting of High-Level Representatives of Asia Pacific Competition Authorities* | 13 Disember 2021 | Dalam Talian |

# PROGRAM **ADVOKASI**

Secara umumnya, selain daripada aktiviti penguatkuasaan, program advokasi merupakan kaedah yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak khususnya pengguna dan perusahaan terhadap kewujudan serta peranan Suruhanjaya dan Akta 712. Pada tahun 2021, sebanyak 16 program advokasi telah dilaksanakan melibatkan pelbagai pihak dalam sector awam, swasta, pihak berkepentingan, ahli profesional dan media.

Antara program-program advokasi yang dianjurkan oleh MyCC ialah:

***Roundtable Session: MyCC & Competition Law, Past, Present & Future Sempena #BEBASKARTEL 10 Years Anniversary Celebration 2021: New Insight of MyCC***

Pada 1 April 2021, MyCC telah menganjurkan sambutan ulang tahun ke-10 sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang peranan Suruhanjaya dan objektif Akta Persaingan 2010 di Malaysia. Program ini telah diadakan secara maya melalui platform Facebook dan Youtube. Program ini juga telah dirasmikan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 1 April 2021. Program ini telah ditonton oleh lebih daripada 1500 peserta mewakili agensi-agensi Kerajaan, wakil-wakil kedutaan asing di Malaysia, ahli-ahli akademik serta guaman, pemain-pemain industri, persatuan-persatuan industri dan pengguna dan orang awam.

Sempena ulang tahunnya yang ke-10, MyCC juga telah mengumumkan logo baharunya yang direka bentuk semula untuk memperkukuhkan identiti korporatnya. Selain itu, satu sesi meja bulat yang bertajuk "*Roundtable Session: MyCC & Competition Law, Past, Present and Future*" juga telah diadakan bagi membincangkan isu-isu terkini mengenai aktiviti-aktiviti penggabungan dan pengambilalihan, monopoli dan ekonomi digital serta isu-isu berkaitan persaingan dalam menghadapi cabaran pandemik Covid-19. Moderator dan panel penceramah bagi sesi meja bulat ini ialah:

- YBhg. Dato Dr. Madeline Berma, Anggota Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC);
- YBhg. Dato' Dr. Ir. Andy K.H. SEO, Pengerusi, Malaysian National Shippers' Council (MNSC);
- YBrs. Assoc. Profesor Dr. Haniff Ahamat, Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM);
- YBrs. Dr. Wan Khatina Wan Mohd Nawawi, Pengarah Ekonomi, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM); dan
- En. Rasul Butt; Pengarah Eksekutif Kanan, Hong Kong Competition Commission (HKCC)

# PROGRAM ADVOKASI

### Objektif

Perbincangan meja bulat ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Memberi pendedahan kepada kumpulan sasaran seperti pegawai Kerajaan, peguam, ahli perniagaan, ahli akademik, pelajar universiti dan pelatih guaman tentang dasar dan undang-undang persaingan
2. Menyediakan maklumat tentang isu persaingan semasa seperti ekonomi digital, tipuan bida dan isu penggabungan

### Pencapaian

Antara pencapaian perbincangan meja bulat ini adalah seperti berikut:

- Seramai hampir 1500 peserta dari pelbagai latar belakang menghadiri perbincangan meja bulat yang termasuk pegawai kerajaan, peguam, ahli perniagaan, ahli akademik, pelajar universiti dan pelatih guaman
- Perbincangan meja bulat ini mendapat maklum balas yang baik daripada para peserta kerana topik yang dibincangkan oleh ahli panel adalah selaras dengan perkembangan semasa undang-undang persaingan terutamanya ekonomi digital dan tipuan bida










# PROGRAM **ADVOKASI**

**Majlis Pelancaran Pelan Strategik MyCC 2021-2025**

MyCC telah mengadakan Majlis Pelancaran Pelan Strategik MyCC 2021-2025 (Pelan Strategik) pada 13 Disember 2021. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Rosol Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di DoubleTree by Hilton Hotel, Kuala Lumpur.

Sempena Majlis Pelancaran Pelan Strategik tersebut, MyCC turut mengadakan *Forum on Exploitative Pricing: Striking a Balance between Competition and Industrial Policy* dan *MyCC Award Ceremony for the Best Student in Competition Law Subject*.

Pelancaran Pelan Strategik ini bertujuan untuk menggariskan teras utama pelan tindakan MyCC untuk mencapai ekonomi yang teguh, cekap dan mampan bagi Malaysia dan rakyatnya melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan dasar dan undang-undang persaingan. Pelan ini mengandungi strategi dan inisiatif-inisiatif yang boleh dilaksanakan sejajar dengan polisi nasional seperti Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB 2030), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital), dan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara serta satu pelan di peringkat kementerian iaitu Pelan Strategik KPDNHEP (2021-2025).

Selepas pelancaran Pelan Strategik MyCC 2021 - 2025, MyCC telah mengadakan majlis anugerah bagi "*MyCC Award Ceremony for the Best Student in Competition Law Subject*". Anugerah tersebut diberikan kepada pelajar bagi mengiktiraf usaha dan pencapaian mereka dalam subjek Undang-Undang Persaingan. MyCC telah menganugerahkan empat pelajar daripada empat institusi pengajian tinggi yang mempunyai kerjasama bersama MyCC melalui Memorandum Persefahaman (MoU).











# PROGRAM **ADVOKASI**

**Objektif**

Pelancaran Pelan Strategik ini diadakan bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut:

1. Membentangkan hala tuju dan segala perancangan strategik MyCC dalam melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang persaingan di Malaysia untuk lima tahun yang akan datang

2. Membincangkan cadangan-cadangan tindakan yang boleh diambil bagi melaksanakan Pelan Strategik tersebut

**Pencapaian**

Program ini telah dihadiri oleh seramai 100 orang yang terdiri daripada pegawai-pegawai MyCC, pihak berkepentingan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta, perwakilan-perwakilan kedutaan asing, pemain-pemain industri, persatuan-persatuan industri dan pengguna, ahli akademik, pelajar universiti, media serta orang awam.











# PROGRAM ADVOKASI

***Competition Law Classroom Program: Webinar on Competition Act Forum with School of Business and Economics, Universiti Putra Malaysia***

Dalam usahanya untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran terhadap Akta Persaingan 2010, MyCC meneruskan kegiatan dengan menganjurkan2010, MyCC meneruskan usaha dengan menganjurkan pelbagai acara dan program untuk memupuk persekitaran ekonomi yang kondusif untuk perniagaan dan pengguna. Pada 19 Januari 2021, MyCC telah menganjurkan "*Webinar on Competition Act Forum with School of Business and Economics, Universiti Putra Malaysia*". Sesi itu telah dihadiri oleh pelajar perniagaan dan ekonomi dari UPM. Objektif sesi taklimat ini adalah untuk memperkenalkan peranan dan fungsi Suruhanjaya secara amnya dan isu-isu berkaitan Akta Persaingan 2010 khususnya kepada para peserta.






**Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Aktiviti Perolehan Awam**

Pada 3 Ogos 2021, MyCC telah menganjurkan program bertajuk "Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Aktiviti Perolehan Awam". Program ini telah diadakan secara maya untuk pegawai yang terlibat secara langsung dalam proses perolehan. Selain itu, taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pegawai mengenai kaedah dan prosedur perolehan bagi mengelak tipuan bida. Program itu dihadiri 30 peserta bagi membincangkan hubungan antara tipuan bida dan rasuah, keberkesanan prosedur perolehan, risiko tipuan bida, rundingan terus dan siasatan berkaitan tipuan bida yang telah dijalankan oleh MyCC.

Program advokasi ini merupakan salah satu inisiatif berterusan yang dijalankan oleh MyCC untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan pegawai perolehan dan pegawai kerajaan dalam sektor awam tentang peranan MyCC dan pelaksanaan Akta Persaingan 2010, khususnya dalam menangani isu tipuan bida dalam perolehan awam.

# PROGRAM ADVOKASI

**Sesi Taklimat kepada FOMEMA Sdn. Bhd. Mengenai Akta Persaingan 2010**

MyCC juga telah menganjurkan sesi taklimat kepada FOMEMA Sdn. Bhd. mengenai Akta Persaingan 2010 pada 23 November 2021 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Program ini merupakan platform yang berkesan untuk memberikan pendedahan yang lebih luas tentang dasar dan undang-undang persaingan di mana pengetahuan dan pengalaman disampaikan secara langsung oleh penceramah yang pakar dalam hal-hal persaingan.









**Senarai Program Advokasi**

| Bil | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1. | *Competition Law Classroom Program "Webinar on Competition Act Forum with School of Business and Economics, UPM"* | 19 Januari 2021 | Dalam Talian |
| 2. | Mesyuarat bersama Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) | 26 Januari 2021 | Dalam Talian |
| 3. | *Executive Talk: Code of Conduct for Landscape Architects "To Restore and To Reconcile"* | 16 Mac 2021 | Dalam Talian |
| 4. | *MyCC 10th Anniversary Celebration 2021 - Roundtable Discussion: "MyCC & Competition Law: Past, Present & Future"* | 1 April 2021 | Dalam Talian |

# PROGRAM ADVOKASI

**Senarai Program Advokasi**

| Bil | Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 5. | *Webinar "Career Talk: Unlock Your Future" by UKM* | 28 Mei 2021 | Dalam Talian |
| 6. | *SACEi Economics Awareness Day 2021 Taylor's College Lakeside* | 1 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 7. | *Protecting Consumers & Assuring Fair Competition – Empowering Global Supply Chain Opportunities* | 17 Jun 2021 | Dalam Talian |
| 8. | Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida dalam Aktiviti Perolehan Awam kepada DBKL | 3 Ogos 2021 | Dalam Talian |
| 9. | *Luncheon Guest Speaker - Rotary Club of Kuala Lumpur DiRaja* | 18 Ogos 2021 | Dalam Talian |
| 10. | *Competition Law Classroom Program with Monash University on "The Enforcement Powers of MyCC: Recent Cases and Challenges"* | 9 September 2021 | Dalam Talian |
| 11. | *7th Antitrust in Asia Webinar #2 "Institutional Design: Should Competition Law Be Enforced by Sectoral Regulators?"* | 14 September 2021 | Dalam Talian |
| 12. | Sesi Taklimat kepada Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. mengenai Akta Persaingan 2010 | 28 Oktober 2021 | Dalam Talian |
| 13. | *Tech for Good Institute Launch Ceremony* | 10 November 2021 | Dalam Talian |
| 14. | *Cultivate 2.0 Legal Webinars* | 13 November 2021 | Dalam Talian |
| 15. | Sesi Taklimat kepada FOMEMA Sdn. Bhd. Mengenai Akta Persaingan 2010 | 23 November 2021 | Hotel Majestic, Kuala Lumpur |
| 16. | Sesi Taklimat kepada Malakoff Corporation Berhad Mengenai Akta Persaingan 2010 | 2 Disember 2021 | Malakoff Corporation Berhad |

# KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM

Pada tahun 2021, beberapa inisiatif telah dijalankan oleh MyCC seperti pameran dan mengadakan wawancara untuk media massa seperti radio, televisyen dan akhbar.

MyCC juga telah mengeluarkan kenyataan akhbar melalui media cetak dan elektronik tentang kes-kes dan isu-isu yang melibatkan persaingan dan menjalankan publisiti dalam talian melalui media sosial dan laman sesawang rasmi MyCC.

**Penglibatan dalam Program-Program Kementerian dan Agensi**

MyCC juga telah terlibat dalam beberapa program-program yang dikendalikan oleh Kementerian dan agensi-agensi sepanjang tahun 2021, antaranya;

- **Karnival Advokasi Kepenggunaan Belia Bersama KPDNHEP**
- **Kapit Town Square, Sarawak**
- **26 - 27 November 2021**





- **100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia**
- **Kuala Lumpur Convention Centre**
- **9-12 Disember 2021**







# KOMUNIKASI DAN **PERHUBUNGAN AWAM**

**Program-Program Lain oleh MyCC**

MyCC juga telah menjalankan beberapa Program Khidmat Masyarakat untuk mengukuhkan lagi inisiatif publisiti dan perhubungan awam MyCC. Program ini dianjurkan khas untuk tujuan amal bagi membantu komuniti yang memerlukan bantuan. Program-program ini diadakan untuk memberi impak positif dan membantu masyarakat dan mencari penyelesaian bagi penambahbaikan tersebut di samping meningkatkan kesedaran dan menggalakkan perubahan sosial. Antara program yang telah diadakan pada tahun 2021 ialah:

- **Sumbangan Wang Zakat kepada Sekolah Kebangsaan Seri Cheras Kuala Lumpur**
- **15 April 2021**







- **Hand-To-Hand Food Bank Bersama Komuniti:**
  1. **Kapit, Sarawak**
  2. **Pekan Kinarut, Sabah**
  3. **Papar Sabah**
  4. **Lembah Klang**
- **19 Julai - 26 Ogos 2021**







# KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM

### Ceramah dan Wawancara

MyCC mengadakan beberapa siri ceramah dan wawancara yang dipaparkan di RTM, TV3, Astro Awani, Berita Harian, Bernama, The Edge, Nanyang Siang Pau and BFM berhubung fungsi dan peranan MyCC, serta membuat liputan tentang isu dan perkembangan terkini mengenai MyCC dan undang-undang persaingan di Malaysia.

















# KOMUNIKASI DAN **PERHUBUNGAN AWAM**

**Wawancara Bersama Media Cetak**

| Bil | Artikel | Media | Tarikh |
|---|---|---|---|
| 1. | *MyCC will act without fear* | The Star | 24 Mac 2021 |
| 2. | *Eye on bid-rigging in government tenders* | The Star | 24 Mac 2021 |
| 3. | *Affirming Trust in the Marketplace* | International Business Review Magazine | 1 April 2021 |
| 4. | *Poor man's fish overfished* | The Star | 7 April 2021 |
| 5. | *Combating acts of bid rigging* | The Star | 20 April 2021 |
| 6. | *MyCC and JFTC/JICA Collaboration* | Asahi Shimbun | 27 April 2021 |
| 7. | *Over 3,000 firms under probe* | The Star | 30 April 2021 |
| 8. | *MyCC confirms appealing CoA decision to set aside RM10 million fines on MAS and AirAsia* | The Edge | 10 Mei 2021 |

**Wawancara Bersama Media Elektronik**

| Bil | Tajuk | Program | Media | Tarikh |
|---|---|---|---|---|
| 1. | *Fighting Cartels with Datuk Wong Chun Wei* | FB Talk | Facebook | 31 Mac 2021 |
| 2. | Maklum balas berkaitan siaran akhbar KPDNHEP | Buletin Awani | Astro AWANI | 31 Mac 2021 |
| 3. | *Interview with BFM Radio on Mergers & Acquisitions Control* | BFM | BFM | 2 April 2021 |
| 4. | Caj tambahan oleh restoran & juga khidmat penghantar makanan ketika PKP, adakah ia wajar dikenakan? | Breakfast Show | KOOLFM | 25 Jun 2021 |
| 5. | Nak Tahu Cerita Kartel? | Anda Wasap Kami Jawab Show | FB Live KPDNHEP | 30 September 2021 |
| 6. | *Challenges during Covid-19 and Digital Economy* | Media Interview | Media Interview | 14 Disember 2021 |
| 7. | *MyCC Procurement Investigations* | BFM | BFM | 15 Disember 2021 |

# KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM

**Kenyataan Media**

Pada tahun 2021 sebanyak kenyataan akhbar telah dikeluarkan oleh MyCC berkaitan;

| Bil | Kenyataan Akhbar | Tarikh |
|---|---|---|
| 1. | Kerjasama Suruhanjaya Persaingan Malaysia bersama Japan Fair Trade Commission | 9 Februari 2021 |
| 2. | MyCC Kenakan Denda RM10.3 juta ke atas Dagang Net | 26 Februari 2021 |
| 3. | *MyCC's Logo: Reimagined, Redesigned, Refined* | 1 April 2021 |
| 4. | MyCC Mengalukan Maklum Balas bagi Kajian Semula Pasaran Sektor Pengangkutan di Malaysia | 21 Jun 2021 |
| 5. | *ASEAN Competition Conference to be held in 2021* | 24 Jun 2021 |
| 6. | MyCC Menerima Pelbagai Aduan Berkaitan Isu Perkhidmatan P-Hailing | 26 Julai 2021 |
| 7. | Kartel Gudang di Pelabuhan Klang Disiasat dan Didenda | 9 Ogos 2021 |
| 8. | MyCC Melancarkan Kajian Semula Pasaran bagi Sektor Pengangkutan | 5 Oktober 2021 |
| 9. | *ASEAN Heads of Competition Authorities Commit to Strengthen Regional Cooperation on Competition Policy and Law* | 11 Oktober 2021 |
| 10. | Pengerusi MyCC Dilantik untuk Satu Penggal Lagi | 14 Oktober 2021 |
| 11. | Iskandar Ismail Terus Menerajui Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MyCC | 18 Oktober 2021 |
| 12. | MyCC Merangka Keutamaan Masa Depannya | 13 Disember 2021 |

**Laman Sesawang dan Platform Media Sosial**

MyCC berkongsi aktiviti publisiti dan perhubungan awam melalui laman sesawang dan media sosial untuk menyebarkan maklumat terkini kepada orang ramai.

Laman Sesawang Rasmi MyCC

**www.mycc.gov.my**

Media Sosial MyCC:

**@themycc**

# KOMUNIKASI DAN
# PERHUBUNGAN AWAM

## MyCC fokus siasatan penipuan tender

**SHAH ALAM** - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) kini memfokuskan penyiasatannya pada penipuan dalam tender kerajaan yang bernilai berbilion ringgit.

Menerusi laporan *The Star*, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Iskandar Ismail berkata, MyCC telah memulakan tindakan terhadap lapan syarikat teknologi maklumat yang didakwa terlibat dalam tender agensi kerajaan.

"Kami bekerjasama dengan beberapa badan kerajaan seperti Kementerian Kewangan dan yang terbaharu adalah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

"Peranan kami adalah membantu agensi supaya berwaspada dan tidak menjadi sebahagian daripada kartel terbabit," katanya.

Iskandar berkata, MyCC menyasarkan pembelian tender daripada agensi kerajaan bagi mencegah penipuan bidaan dalam proses tender dan membantu mengesan aktiviti kartel berkenaan.

Katanya, sebagai contoh terdapat seorang individu boleh mengemukakan tender yang sama di bawah 10 syarikat yang berbeza.

Katanya, beberapa pembida juga bekerja secara serentak bagi memastikan mereka memenangi tender secara bergilir-gilir untuk menghalang pembida lain daripada bersaing.

"Setakat ini, kami telah menyiasat ratusan perusahaan dan persatuan. Dari sana, kami menghasilkan banyak keputusan, janji, peringatan, arahan dan resolusi lain," katanya.

## MyCC to present proposed amendment on Competition Act 2010 by year-end

## Poor man's fish overfished

Ikan kembung being imported to make up low local supplies

EXCLUSIVE



## Combating acts of bid rigging



Comment

## Eye on bid-rigging in govt tenders

Anti-monopoly authority going all out to curb such malpractice

EXCLUSIVE





On the beat

## Smooth criminals



## MyCC will act without fear or favour

## 7 syarikat bentuk kartel kena penalti RM1.04 juta

MyCC dapati pengendali gudang berkomplot tetapkan surcaj khidmat kargo



## MyCC kenakan denda RM10.3 juta terhadap Dagang Net

Dagang Net didapati melanggar Seksyen 10 (1) Akta Persaingan 2010 setelah mengenakan klausa eksklusif dalam urus niaga

## Over 3,000 firms under probe

MyCC investigating the rigging of tenders worth RM5.8bil

EXCLUSIVE

## MyCC pelawa maklum balas awam





# PENYATA KEWANGAN

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 24.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [*Akta 713*].

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan**

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [*Akta 713*]. Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Persaingan Malaysia;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Anggota Suruhanjaya telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Hal-hal Lain**

Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia berdasarkan keperluan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 [*Akta 713*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**ABDUL MALEK BIN MOKHTAR**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
02 NOVEMBER 2022

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

Kami **DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN BIN MD YUNUS dan DATO' JAGJIT SINGH A/L BANT SINGH** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** pada **31 DISEMBER 2021** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya,

**DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN BIN MD YUNUS**
PENGERUSI
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

TARIKH: 31 OCT 2022
TEMPAT:KUALA LUMPUR

Bagi pihak Anggota Suruhanjaya,

**DATO' JAGJIT SINGH A/L BANT SINGH**
ANGGOTA
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

TARIKH: 31 OCT 2022
TEMPAT:KUALA LUMPUR

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**
Tingkat 15, Menara SSM @Sentral, 7 Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.
t +603 2273 2277
f +603 2272 2293
w www.mycc.gov.my

MENGGALAKKAN PERSAINGAN, MELINDUNGI ANDA

**PENGAKUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Saya, **ISKANDAR BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Belanjawan dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan )
pada 31 OCT 2022 )

ISKANDAR BIN ISMAIL
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

PESURUHJAYA SUMPAH W938
PARMILA BELANI A/P DEVKISHIN
01 MAC 2022 - 31 DEC 2024
MALAYSIA

No 35-5 The Boulevard, Mid Valley City
Lingkaran Syed Putra, 59200
Kuala Lumpur

PESURUHJAYA SUMPAH

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
Tingkat 15, Menara SSM @Sentral, 7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur, Malaysia.
t +603 2273 2277
f +603 2272 2293
w www.mycc.gov.my

MENGGALAKKAN PERSAINGAN, MELINDUNGI ANDA

# PENYATA
# KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2021

| | Nota | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 3 | 497,336 | 618,942 |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | 497,336 | 618,942 |
| **ASET SEMASA** | | | |
| Deposit dan Prabayar | 4 | 241,041 | 272,550 |
| Faedah Terakru | | 169 | - |
| Pelbagai Penghutang | | 9,700 | 7,400 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai | 5 | 30,054,571 | 40,249,879 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 30,305,481 | 40,529,829 |
| **JUMLAH ASET** | | **30,802,817** | **41,148,771** |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | |
| Geran Kerajaan Tertunda | 6 | 104,414 | 856,555 |
| Manfaat Pekerja Jangka Panjang | 7 | 197,108 | 106,934 |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | 301,522 | 963,489 |
| **LIABILITI SEMASA** | | | |
| Akruan dan Peruntukan | | 94,771 | 375,963 |
| Pemiutang | 8 | 175,549 | 319,508 |
| Pendapatan Tertunda | 16 | 9,644,700 | 19,664,700 |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | 9,915,020 | 20,360,171 |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **10,216,542** | **21,323,660** |
| **JUMLAH ASET BERSIH** | | **20,586,275** | **19,825,111** |
| **JUMLAH ASET BERSIH DAN LIABILITI** | | **30,802,817** | **41,148,771** |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# PENYATA
# PRESTASI KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | Nota | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|---|
| **HASIL** | | | |
| Penerimaan daripada Geran Kerajaan | 9 | 11,808,388 | 6,317,518 |
| Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap | 10 | 570,620 | 918,794 |
| Denda dan Penalti | | 111,211 | - |
| Yuran Seminar | | 15,000 | 34,730 |
| Lain-Lain Terimaan | | 10,173 | 4,114 |
| Pelarasan Hapus Kira Pemiutang | | 35,000 | - |
| **Jumlah Hasil** | | **12,550,392** | **7,275,156** |
| **Belanja** | | | |
| Emolumen | | 5,177,576 | 4,706,037 |
| Perjalanan dan Penginapan | | 73,503 | 64,946 |
| Utiliti dan Komunikasi | | 235,844 | 249,727 |
| Sewa | | 1,440,136 | 1,302,499 |
| Susut Nilai | 3 | 249,502 | 282,526 |
| Perbelanjaan Pentadbiran | 11 | 123,723 | 77,532 |
| Perbelanjaan Perkhidmatan | | 175,429 | 191,461 |
| Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya | | 605,864 | 644,478 |
| Kerugian Dalam Hapus Kira Aset Tetap | | 9,400 | - |
| Keraian, Honorarium dan Sumbangan | | 148,883 | 108,183 |
| Perbelanjaan Unit/Bahagian | 12 | 2,797,227 | 2,282,319 |
| Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Pasaran | 13 | 752,141 | 867,318 |
| **Jumlah Belanja** | | **11,789,228** | **10,777,026** |
| **Lebihan/(Kurangan)Pendapatan Sebelum Cukai** | | **761,164** | **(3,501,870)** |
| **Cukai Pendapatan** | 14 | - | - |
| **Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai** | | **761,164** | **(3,501,870)** |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# PENYATA
# PERUBAHAN ASET BERSIH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | Lebihan Terkumpul RM |
|---|---|
| **Pada 1 Januari 2020** | **23,326,981** |
| (Kurangan) Pendapatan | (3,501,870) |
| **Baki pada 31 Disember 2020** | **19,825,111** |
| Lebihan Pendapatan | 761,164 |
| **Baki pada 31 Disember 2021** | 20,586,275 |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# PENYATA
# ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan | 761,164 | (3,501,870) |
| Pelarasan: | | |
| Susut Nilai | 249,502 | 282,526 |
| Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap | (570,620) | (918,794) |
| Kerugian Dalam Hapus Kira Aset Tetap | 9,400 | - |
| LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA | 449,446 | (4,138,138) |
| Pengurangan/(Pertambahan) Deposit dan Prabayar | 31,509 | (51,109) |
| (Pertambahan)/Pengurangan Pelbagai Penghutang | (2,300) | 8,731 |
| (Pengurangan)/Pertambahan Pelbagai Pemiutang | (10,445,151) | 288,164 |
| Pertambahan Manfaat Pekerja Jangka Panjang | 90,174 | - |
| (Pengurangan)/Pertambahan Geran Kerajaan Tertunda | (752,141) | 32,682 |
| TUNAI DIGUNAKAN BAGI AKTIVITI OPERASI | (10,628,463) | (3,859,670) |
| Cukai Dibayar | - | (221,042) |
| ALIRAN TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI | (10,628,463) | (4,080,712) |
| **ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (137,295) | (186,461) |
| Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap | 570,450 | 1,241,906 |
| ALIRAN TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | 433,155 | 1,055,445 |
| (PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | (10,195,308) | (3,025,267) |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | 40,249,879 | 43,275,146 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN** | 30,054,571 | 40,249,879 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH:** | | |
| Wang Tunai dan Baki Bank | 8,199,712 | 8,884,887 |
| Simpanan Tetap | 21,854,859 | 31,364,992 |
| | 30,054,571 | 40,249,879 |

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# PENYATA PERBANDINGAN
# BELANJAWAN DAN SEBENAR

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

| | JUMLAH BELANJAWAN | | JUMLAH SEBENAR | VARIAN |
|---|---|---|---|---|
| | ASAL RM | AKHIR RM | RM | RM |
| **Belanja** | | | | |
| Emolumen | 5,043,028 | 5,356,811 | 5,177,576 | (179,235) |
| Perjalanan dan Penginapan | 238,400 | 223,400 | 73,503 | (149,897) |
| Utiliti dan Komunikasi | 326,800 | 311,800 | 235,844 | (75,956) |
| Sewa | 1,578,052 | 1,566,052 | 1,440,136 | (125,916) |
| Susut Nilai | - | - | 249,502 | 249,502 |
| Perbelanjaan Pentadbiran | 2,707,000 | 2,752,000 | 123,723 | (2,628,277) |
| Perbelanjaan Perkhidmatan | 264,000 | 210,700 | 175,429 | (35,271) |
| Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya | 778,000 | 681,517 | 605,864 | (75,653) |
| Kerugian Dalam Hapus Kira Aset Tetap | - | - | 9,400 | 9,400 |
| Keraian, Honorarium dan Sumbangan | 181,000 | 289,000 | 148,883 | (140,117) |
| Perbelanjaan Unit/Bahagian | 6,540,000 | 6,265,000 | 2,797,227 | (3,467,773) |
| Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Pasaran | 856,555 | 856,555 | 752,141 | (104,414) |
| **Jumlah Belanja** | **18,512,835** | **18,512,835** | **11,789,228** | **6,723,607** |

**Nota : Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi Kajian Pasaran adalah merupakan baki yang dibawa daripada tahun 2020 yang berjumlah RM856,555.**

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 1 MAKLUMAT AM

1.1 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Suruhanjaya merupakan agensi di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dan merupakan satu badan bebas yang ditubuhkan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Peranan utama Suruhanjaya adalah untuk melindungi proses persaingan bagi kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi Malaysia. Pada setakat 31 Disember 2021, Suruhanjaya ini menempatkan seramai 76 orang pegawai.

1.2 Suruhanjaya Persaingan Malaysia beroperasi di alamat Tingkat 15, Menara SSM @ Sentral No.7, Jalan Stesen Sentral 5, 50623 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan.

1.3 Penyata Kewangan Suruhanjaya adalah bagi tempoh bermula 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.

1.4 Mata wang fungsian Suruhanjaya adalah Ringgit Malaysia ("RM"), di mana setiap operasi dan transaksi adalah dalam RM. Bagi tujuan penyata kewangan ia dicatatkan dalam RM, yang merupakan mata wang fungsian MyCC.

1.5 Penyata Kewangan Suruhanjaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah diluluskan oleh Anggota Suruhanjaya pada 31 Oktober 2022.

1.6 Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertanggungjawab dalam menjalankan fungsi-fungsi seperti melaksana dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, mengeluarkan garis panduan berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, bertindak sebagai penyokong untuk hal-hal berkaitan persaingan, menjalankan kajian am berhubung isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor ekonomi tertentu di Malaysia, memaklum dan mendidik orang awam berkenaan cara-cara yang mana persaingan boleh memberi faedah kepada pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN

### 2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1 Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan ketiga yang disediakan menggunakan MPSAS.

2.1.3 Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan. Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam nota 2.13 kepada penyata kewangan.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

#### 2.2.1 Pengiktirafan Pendapatan

**(i) Geran Kerajaan**

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Manakala, Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan, diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

**(ii) Denda dan Penalti**

Pendapatan denda dan penalti merangkumi penalti kewangan yang dikenakan terhadap perusahaan atau syarikat atas pelanggaran syarat yang termaktub dalam Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Jumlah penalti kewangan dikenakan adalah tidak melebihi 10% daripada keseluruhan pendapatan perusahaan atau syarikat sepanjang tempoh pelanggaran berlaku.

**(iii) Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap**

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Pendapatan faedah diiktiraf berasaskan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang. Manakala, pendapatan faedah bank diiktiraf berasaskan akruan.

**(iv) Yuran Seminar**

Yuran seminar yang diterima merupakan hasil daripada pelaksanaan program seminar berkaitan dengan Akta Persaingan 2010 yang dijalankan sepanjang tahun kewangan MyCC.

**(v) Lain-Lain Terimaan**

Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.1 (i) hingga (iv) di atas dan diiktiraf sebagai pendapatan selepas perkhidmatan diberikan.

### 2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset berkenaan ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pengurusan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 seunit.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan (bersambung)

2.3.2 Nilai di bawah item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

### 2.4 Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susut nilai dikira dengan mengunakan kaedah garis lurus untuk menghapus kira nilai kos aset sepanjang anggaran hayat berguna bagi aset-aset yang berkenaan.

2.4.2 Kadar susut nilai hartanah, loji dan peralatan adalah seperti yang berikut:

| | |
|---|---|
| Kenderaan bermotor | **20%** |
| Peralatan pejabat dan perabot | **10%** |
| Buku | **10%** |
| Komputer | **20%** |

2.4.3 Sekiranya terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susut nilai dan hayat berguna aset yang boleh disusut nilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif pada tahun semasa.

### 2.5 Aset Kewangan

2.5.1 Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.5.2 Pada awal pengiktirafan, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menjana aset kewangan.

2.5.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.5.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvesyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Suruhanjaya membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.5 Aset Kewangan (bersambung)

2.5.5 Suruhanjaya mempunyai kategori aset kewangan seperti yang berikut:

**(i) Pinjaman dan belum terima**

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mangambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

**(ii) Pelaburan dipegang hingga matang**

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh praktikkan diklasifikasikan sebagai aset yang dipegang untuk matang apabila Suruhanjaya mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang pelaburan sedemikian sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan yang dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

**(iii) Penyahiktirafan aset kewangan**

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut telah tamat tempoh atau telah selesai serta Suruhanjaya telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain. Secara keseluruhannya, penyahiktirafan aset kewangan semasa, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

**(iv) Rosot nilai aset kewangan**

Pada setiap tarikh lembaran imbangan, Suruhanjaya mengkaji semula nilai dibawa untuk aset kewangan bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika wujud sebarang petunjuk, rosot nilai akan dikira dengan cara membandingkan nilai dibawa dengan nilai yang boleh diperolehi. Nilai yang boleh diperolehi adalah nilai yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dan nilai gunapakai yang ditafsirkan menggunakan anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan. Nilai yang boleh diperolehi akan ditentukan bagi setiap aset atau sekiranya tidak dapat ia akan ditentukan melalui unit janaan tunai yang dimiliki oleh aset berkenaan.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.5 Aset Kewangan (bersambung)

2.5.5 Suruhanjaya mempunyai kategori aset kewangan seperti yang berikut: (bersambung)

**(iv) Rosot nilai aset kewangan (bersambung)**

Kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya berlaku.

Pembalikan rosot nilai aset yang diiktiraf pada tahun lepas akan direkodkan sekiranya terdapat petunjuk bahawa rosot nilai yang diiktiraf pada tahun lepas tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Pembalikan nilai tersebut akan direkodkan sehingga amaun sebenar aset yang akan ditentukan (setelah ditolak susut nilai dan pelunasan nilai) sekiranya tiada kerugian susut nilai yang pernah direkodkan. Pembalikan nilai akan direkodkan terus di dalam penyata prestasi kewangan.

### 2.6 Peruntukan dan Liabiliti

2.6.1 Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi semasa hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Suruhanjaya menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan di dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

### 2.7 Liabiliti Kewangan

2.7.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Suruhanjaya menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.7.2 Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengiktiraf liabiliti kewangan.

2.7.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.7.4 Suruhanjaya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti yang berikut:

**(i) Pinjaman dan belum bayar**

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktraf atau dirosot nilai.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

**2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)**

**2.7 Liabiliti Kewangan (bersambung)**

2.7.4 Suruhanjaya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti yang berikut: (bersambung)

**(i) Pinjaman dan belum bayar (bersambung)**

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

**(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan di dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar akan diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

**2.8 Kemungkinan Luar Jangka**

2.8.1 Terdapat kemungkinan pemindahan manfaat ekonomi kepada pihak ketiga sekiranya rayuan dibuat terhadap keputusan Suruhanjaya. Oleh itu, maklumat kemungkinan luar jangka seperti yang diperlukan di bawah 'Seksyen 21 Kemungkinan Luar Jangka' tidak didedahkan atas alasan ia boleh menjejaskan keputusan prosiding guaman tersebut.

**2.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai**

2.9.1 Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap di institusi-institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai tidak ketara.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.10 Manfaat Pekerja

**2.10.1 (i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek**

Manfaat pekerja jangka pendek merangkumi gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah dan pelbagai cuti termasuk cuti tahunan.

**(ii) Manfaat Pekerja Selepas Perkhidmatan**

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada kadar yang wajib dicarumkan mengikut perundangan di Malaysia. Caruman berkenaan dicaj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi pekerja yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Kakitangan tetap Suruhanjaya akan diberikan ganjaran cuti rehat (GCR) berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Suruhanjaya.

### 2.11 Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)

2.11.1 Setiap hasil, perbelanjaan dan juga aset diiktiraf bersih daripada SST. Jumlah SST tidak dituntut dan diiktiraf sebagai perbelanjaan atau sebahagian daripada kos perolehan aset.

### 2.12 Maklumat Bajet

2.12.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu penyata perbandingan bajet dan sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

### 2.13 Pertimbangan dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.13.1 Pengukuran aset dan liabiliti memerlukan pengurusan untuk membuat anggaran berdasarkan pemantauan dan andaian lain yang difikirkan wajar. Antara perkara yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran adalah dalam mengukur:

**(i) Perubahan Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset berkenaan. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.13 Pertimbangan dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (bersambung)

2.13.1 Pengukuran aset dan liabiliti memerlukan pengurusan untuk membuat anggaran berdasarkan pemantauan dan andaian lain yang difikirkan wajar. Antara perkara yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran adalah dalam mengukur: (bersambung)

**(ii) Pengiraan Cukai Pendapatan**

Pertimbangan adalah penting dalam menentukan cukai semasa dan cukai tertunda Suruhanjaya oleh kerana cukai muktamad bagi Suruhanjaya secara keseluruhan adalah tidak menentu. Apabila keputusan akhir cukai yang perlu dibayar telah ditentukan oleh pihak berkuasa, jumlah berkenaan mempunyai kebarangkalian berbeza daripada anggaran awal cukai yang perlu dibayar. Perbezaan tersebut boleh memberi kesan kepada cukai semasa dan cukai tertunda pada tempoh pengiraan dibuat. Suruhanjaya akan mengambil kira perbezaan berkenaan sama ada ia terlebih atau terkurang pada cukai semasa atau cukai tertunda dalam tempoh perbezaan tersebut dikenalpasti.

**(iii) Pengukuran Peruntukan**

Suruhanjaya sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas bagi mengukur sesuatu peruntukan. Anggaran tersebut dibuat berdasarkan dengan pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

### 2.14 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

2.14.1 Polisi pengurusan risiko kewangan Suruhanjaya bertujuan untuk memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi bagi menjalankan operasinya dengan lancar. Suruhanjaya akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

**(i) Risiko Kadar Faedah**

Suruhanjaya membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

**(ii) Risiko Kredit**

Suruhanjaya tidak berurus niaga secara kredit yang material dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko kredit.

**(iii) Risiko Pertukaran Mata Wang Asing**

Suruhanjaya tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

### 2.14 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan (bersambung)

**(iv) Risiko Mudah Tunai**

Suruhanjaya mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemah bagi meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan serta untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

**(v) Risiko Tindakan Guaman**

Subseksyen 3(3) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) menyatakan Suruhanjaya boleh disaman atas namanya manakala Subseksyen 3(4) memberi kuasa kepada Suruhanjaya untuk membuat kontrak. Suruhanjaya boleh dikenakan tindakan guaman oleh pihak ketiga sekiranya Suruhanjaya melanggar kontrak atau mana-mana prosidur di bawah Akta 712 dan Akta 713.

### 2.15 Peristiwa Penting Berlaku Semasa dan Selepas Daripada Tempoh Pelaporan

2.15.1 Pada 1 Januari 2021, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di seluruh negara selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1987 bagi membendung penyebaran jangkitan COVID-19 di Malaysia. Walau bagaimanapun, bermula 13 Januari 2021 pelaksanaan Perintah Kawalan Pegerakan (PKP), Perintah Kawalan Pegerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pegerakan Pemulihan (PKPP) adalah bergantung pada keadaan COVID-19 di setiap negeri. Pada 15 Jun 2021, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dilaksanakan bagi peralihan fasa PKP secara berperingkat. Pelaksanaan PPN ini dilaksanakan secara berfasa yang merangkumi empat (4) fasa utama.

Dengan adanya pelaksanaan PKP, PKPB,PKPP dan PPN pada tahun 2021, terdapat perbezaan bagi belanjawan yang diluluskan dan perbelanjaan yang dibelanjakan pada tahun kewangan 2021. Batasan pergerakan dan keperluan penjarakan sosial menyebabkan beberapa aktiviti Suruhanjaya tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Antaranya ialah aktiviti penyiasatan dan penguatkuasaan yang melibatkan aktiviti lapangan termasuk aktiviti pengumpulan maklumat tidak dapat dilaksanakan seperti mana yang dirancang, kebanyakan kes perundangan di peringkat Mahkamah telah ditangguh daripada tarikh yang telah ditetapkan pada awalnya, program advokasi serta penglibatan latihan/seminar dalam dan luar negara secara praktikal tidak dapat dilaksanakan.

Dijangka pada tahun 2022, keadaan yang sama akan berterusan sehingga suku tahun pertama 2022 dan sedikit sebanyak memberikan kesan yang sama kepada Suruhanjaya pada ketika itu. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya akan terus berusaha meneruskan tanggungjawab dan peranan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 secara efisien dan efektif demi kepentingan ekonomi dan anjakan supaya ekonomi negara berkembang pesat.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 3 Hartanah, Loji dan Peralatan

| | Kenderaan Bermotor RM | Perabot dan Kelengkapan Pejabat RM | Buku RM | Komputer RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2021 | 907,102 | 273,307 | 276,313 | 1,224,434 | 2,681,156 |
| Pertambahan Tahun Semasa | - | 6,900 | - | 130,395 | 137,295 |
| Pelupusan Tahun Semasa | - | - | (61,579) | (21,265) | (82,844) |
| Baki pada 31 Disember 2021 | 907,102 | 280,207 | 214,734 | 1,333,564 | 2,735,607 |
| **Susut nilai Terkumpul** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2021 | 694,355 | 197,658 | 207,334 | 962,867 | 2,062,214 |
| Susut nilai Tahun Semasa | 81,891 | 24,309 | 24,818 | 118,484 | 249,502 |
| Pelupusan Tahun Semasa | - | - | (52,182) | (21,263) | (73,445) |
| Baki pada 31 Disember 2021 | 776,246 | 221,967 | 179,970 | 1,060,088 | 2,238,271 |
| **Nilai Buku Bersih** | 130,856 | 58,240 | 34,764 | 273,476 | 497,336 |

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN

## 3 Hartanah, Loji dan Peralatan (bersambung)

| | Kenderaan Bermotor RM | Perabot dan Kelengkapan Pejabat RM | Buku RM | Komputer RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Kos** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2020 | 818,080 | 269,319 | 276,313 | 1,275,071 | 2,638,783 |
| Pertambahan Tahun Semasa | 89,022 | 3,988 | - | 93,451 | 186,461 |
| Pelupusan Tahun Semasa | - | - | - | (144,088) | (144,088) |
| Baki pada 31 Disember 2020 | 907,102 | 273,307 | 276,313 | 1,224,434 | 2,681,156 |
| **Susut nilai Terkumpul** | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2020 | 595,819 | 170,627 | 179,703 | 977,627 | 1,923,776 |
| Susut nilai Tahun Semasa | 98,536 | 27,031 | 27,631 | 129,328 | 282,526 |
| Pelupusan Tahun Semasa | - | - | - | (144,088) | (144,088) |
| Baki pada 31 Disember 2020 | 694,355 | 197,658 | 207,334 | 962,867 | 2,062,214 |
| **Nilai Buku Bersih** | 212,747 | 75,649 | 68,979 | 261,567 | 618,942 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 4 Deposit dan Prabayar

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Deposit elektrik | 77,470 | 77,470 |
| Lain-Lain deposit dan cagaran | 163,571 | 163,571 |
| Belanja Prabayar | - | 31,509 |
| Jumlah Deposit dan Prabayar | 241,041 | 272,550 |

## 5 Tunai dan Kesetaraan Tunai

| | 2021 RM | 2020 RM |
|---|---|---|
| Tunai dalam tangan | 2,291 | 4,639 |
| Akaun Semasa CIMB (Mengurus) | 7,718,725 | 7,660,322 |
| Akaun Semasa CIMB (Pembangunan) | 478,696 | 1,219,926 |
| Jumlah Wang Tunai dan Baki Bank | 8,199,712 | 8,884,887 |
| **Simpanan Tetap** | | |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | 15,194,247 | 14,898,780 |
| Malaysia Building Society Berhad | 6,660,612 | 16,466,212 |
| Jumlah Simpanan Tetap | 21,854,859 | 31,364,992 |
| **Tunai dan Kesetaraan Tunai** | 30,054,571 | 40,249,879 |

## 6 Geran Kerajaan Tertunda (Liabiliti Bukan Semasa)

Suruhanjaya telah diberikan peruntukan geran pembangunan bagi pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun kewangan 2016, 2017, 2019 dan 2020. Baki Geran Pembangunan bagi menjalankan Kajian Pasaran Sektor Pengangkutan yang dibawa daripada tahun 2020 adalah berjumlah RM856,555. Manakala jumlah perbelanjaan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM752,141 dan ini menunjukkan baki berjumlah RM104,414 akan digunakan pada tahun berikutnya bagi tujuan penerbitan buku ringkasan projek kajian semula pasaran sektor-sektor keutamaan di Malaysia.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN

## 7 Manfaat Pekerja Jangka Panjang

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Gantian Cuti Rehat | 90,174 | 75,443 |
| | 90,174 | 75,443 |

## 8 Pemiutang

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Lain-Lain Potongan | - | 730 |
| Pemiutang -Pembekal | 29,757 | - |
| Pemiutang - Lain -Lain | 77,248 | 318,778 |
| Pemiutang - Kakitangan | 68,544 | - |
| Jumlah Pemiutang | 175,549 | 319,508 |

## 9 Penerimaan daripada Geran Kerajaan

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Geran Mengurus | 11,056,247 | 5,450,200 |
| Geran Pembangunan | 752,141 | 867,318 |
| | 11,808,388 | 6,317,518 |

Suruhanjaya telah menerima pemberian belanja mengurus berjumlah RM6,500,000 dan penyaluran geran tambahan sebanyak RM4,556,247 (2020 : RM5,450,200) bagi menampung tanggungan kewangan Suruhanjaya pada tahun 2021.

## 10 Faedah Bank dan Simpanan Tetap

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Faedah Bank | 80,585 | 110,655 |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia | 295,466 | 401,976 |
| Malaysia Building Society Berhad | 194,569 | 406,163 |
| | 570,620 | 918,794 |

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah di antara 1.25% - 2.20% dan tempoh simpanan adalah di antara 1 hari hingga 12 bulan.

# NOTA-NOTA KEPADA
# PENYATA KEWANGAN

## 11 Perbelanjaan Pentadbiran

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Minyak Petrol | 15,794 | 15,622 |
| Perbelanjaan Pejabat | 107,929 | 61,910 |
| | 123,723 | 77,532 |

## 12 Perbelanjaan Unit/Bahagian

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Latihan Pembangunan Kapasiti | 556,390 | 465,935 |
| Program Advokasi | - | 6,371 |
| Penguatkuasaan dan Penyiasatan | 244,798 | 99,676 |
| Perancangan Media dan Komunikasi | 536,117 | 850,685 |
| Perundangan | 1,048,000 | 269,033 |
| Penyelidikan (*Guidelines/Market Study*) | 1,000 | 3,108 |
| Pembangunan ICT dan Website | 410,922 | 587,511 |
| | 2,797,227 | 2,282,319 |

## 13 Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Pasaran

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Kajian Pasaran Sektor Pengangkutan | 752,141 | 108,120 |
| Kajian Pasaran Sektor Perkhidmatan | - | 759,198 |
| | 752,141 | 867,318 |

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

## 14 Cukai Pendapatan

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan ke atas lebihan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai efektif pendapatan Suruhanjaya bagi tahun 31 Disember 2021 dan perbezaan bagi tahun sebelum adalah seperti berikut:

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Lebihan/(Kurangan) sebelum cukai | 761,164 | (3,501,870) |
| Cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun (24%) | 182,679 | (840,449) |
| Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tolakan cukai | 84,816 | 73,302 |
| Aset cukai tertunda tidak diiktiraf | (267,496) | 767,147 |
| | NIL | NIL |

## 15 Pihak Pengurusan Utama

Pihak pengurusan utama merupakan individu yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan mengawal aktiviti-aktiviti Suruhanjaya secara langsung dan tidak langsung.

Jumlah emolumen dan elaun bagi pihak pengurusan utama bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 dan perbezaan bagi tahun sebelum adalah seperti berikut:

| | 2021<br>RM | 2020<br>RM |
|---|---|---|
| Jumlah Emolumen dan Elaun | 759,501 | 774,300 |
| | 759,501 | 774,300 |

## 16 Kes Perundangan

Pendapatan tertunda berjumlah RM9,644,700 (2020: RM19,664,700) merupakan bayaran penalti yang telah diputuskan ke atas My E.G. Perbezaan berjumlah RM10,020,000 daripada tahun sebelum merupakan pembayaran semula kepada pihak AirAsia Berhad yang berjumlah RM10,000,000 dan penolakan kos guaman berjumlah RM20,000 yang telah dibayar oleh My E.G dan Air Asia Berhad kepada Suruhanjaya semasa pembayaran penalti dilaksanakan.

Setakat 31 Disember 2021, kes Malaysia Airline System Berhad (MAS) dan AirAsia Berhad (AirAsia) berada di peringkat permohonan kebenaran untuk merayu di Mahkamah Persekutuan yang telah difailkan oleh MyCC, setelah rayuan yang telah difailkan oleh MAS dan AirAsia telah dibenarkan di Mahkamah Rayuan.

Manakala bagi kes My E.G setakat 31 Disember 2021, kes My E.G Services Berhad dan My E.G Commerce Sdn Bhd (MyEG) berada di peringkat permohonan kebenaran untuk merayu di Mahkamah Persekutuan yang telah difailkan oleh My E.G, setelah rayuan yang telah difailkan telah ditolak di Mahkamah Rayuan.